



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 24 MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA 75)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
TARIKH : 24 MAC 2014
SOALAN :

Y.B. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa *Education Malaysia Global Services (EMGS)* dibenarkan mengenakan caj sebanyak RM1000 untuk memproses setiap visa pelajar luar negara yang belajar di Malaysia walaupun KPI EMGS untuk memproses satu visa dalam masa 14 hari gagal dicapai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam memastikan isu sebegini tidak akan berulang lagi. Dengan adanya kerjasama dan komitmen Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sejak tiga bulan kebelakangan ini tempoh pemprosesan permohonan baru pas pelajar hanya mengambil masa kurang dari 14 hari bekerja secara purata.

Untuk makluman, yuran perkhidmatan sebanyak RM1000.00 yang dikenakan kepada IPTS bagi urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia adalah secara "one-off" dan telah mendapat kelulusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Januari 2012. Sebelum kelulusan ini diperolehi, satu kajian telah dibuat dengan negara-negara pengeksport pendidikan utama yang lain dan kajian tersebut mendapati ia adalah sangat kompetitif. Yuran yang dikenakan sebenarnya telah memberi implikasi yang sangat baik dan jelas bagi menentukan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulus dan berkualiti sahaja dibenarkan mengikuti pengajian mereka di sini.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Haji Abdul Azeez bin
Abdul Rahim [BALING]**

TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 9

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kementerian
dalam membantu penoreh getah di kawasan Baling
daripada segi memperbaiki keperluan asas
memandangkan kos sara hidup yang kian meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui RISDA menyedari komuniti penoreh getah yang juga masyarakat luar bandar menerima kesan akibat perubahan ekonomi semasa yang tidak stabil.

Bagi keperluan asas penoreh getah di kawasan Baling, RISDA menyediakan bantuan seperti berikut :

- i) **Program Skim Insentif Pengeluaran Getah (SIPG)** iaitu penyediaan komponen seperti baja dan bahan ransangan kepada seramai 1,558 orang penoreh getah dengan perbelanjaan sebanyak RM790 ribu pada keluasan 2,492 hektar tanah; dan
- ii) **Program Peningkatan Produktiviti (PPG)** iaitu penyediaan komponen seperti pisau toreh dan batu asas, alat pelindung hujan, mangkuk susu getah, dawai spring dan sudu susu getah kepada seramai 258 orang penoreh getah

dengan perbelanjaan sebanyak RM210 ribu pada keluasan 413 hektar tanah.

Selain itu, pihak Kementerian melalui RISDA turut memperkenalkan **Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)**. Program ini telah dimulakan pada tahun 2013 dan berakhir pada tahun 2016 yang bertujuan untuk menampung pendapatan harian bagi Pekebun Kecil yang layak dan mematuhi syarat dengan memberi bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan selama 48 bulan.

Namun demikian, bagi membolehkan Penoreh Getah menikmati semua kemudahan ini, Penoreh Getah berkenaan perlulah berdaftar dengan RISDA untuk diiktiraf sebagai Pekebun Kecil.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 24 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang projek infrastruktur di persimpangan Jalan Bayan Lepas dan Jalan Permatang Damar Laut menghala ke Teluk Kumbar yang bertujuan untuk mengatasi kesesakan jalan raya sesudah pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Berikan jadual pembangunan serta status kemajuan terkini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dijangka berlaku setelah pembukaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang), Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk menaik taraf 3 laluan utama di bahagian pulau.

Ini termasuklah menaik taraf Jalan Persekutuan FT06 dari Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas sepanjang 2.7km. Surat Setuju Terima kepada pihak kontraktor telah dikeluarkan dan kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 17 Februari 2014 dan dijangka siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 16 Ogos 2016.

Manakala 2 lagi projek lain yang akan turut dibina oleh Kerajaan Pusat untuk mengurangkan kesesakan kenderaan dari Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ialah menaik taraf Jalan Negeri 10 (P10) dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah (6km) dan menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Jambatan Pulau Pinang sepanjang 4.5km. Pembinaan kedua-dua projek ini telah dimulakan dan dijadualkan siap masing-masing pada tahun 2015 dan 2016.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis]
TARIKH : 24 Mac 2014
SOALAN : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan tindakan dan mekanisme untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan peranan orang tengah demi memastikan harga pasaran yang lebih kondusif untuk rakyat di samping menaikkan taraf petani dan penternak ikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa peranan orang tengah tidak boleh dinafikan dan wajar dihargai, namun bilangannya perlu diminimakan dan dikawal bagi mengelakkan manipulasi secara berleluasa terhadap pengeluar dan pengguna, khususnya para petani dan nelayan. Dalam hal ini, peranan orang tengah dapat dikurangkan sekiranya kita dapat memendekkan rantai nilai dengan memastikan lapisan atau *tier* pemasaran dikurangkan seterusnya menguasai setiap peringkat rantai nilai dari pengeluar, pengedar dan pemasar hasil pertanian iaitu dari ladang hingga ke pengguna.

Dalam hal ini Kerajaan telah mengenal pasti beberapa strategi utama dalam mengatasi permasalahan monopoli atau manipulasi orang tengah iaitu:

- meningkatkan pengeluaran bekalan agromakanan utama seperti ikan, sayuran, buah-buahan, ayam, dan daging;

- memendekkan rantai nilai seperti memperkukuh dan memantapkan saluran pemasaran sedia ada;
- mewujudkan saluran pemasaran yang baharu;
- meningkatkan *market share* (dengan izin) pasaran produk agromakanan oleh agensi pemasaran seperti FAMA, LKIM dan LPP; dan
- menambahbaik skim, bantuan, kemudahan, dan program sokongan sedia ada untuk pengeluar.

Program jihad memerangi orang tengah dilancarkan secara berperingkat-peringkat. Bagi subsektor padi, majlis pelancarannya telah diadakan pada 16 Januari 2014 di Kota Bharu, Kelantan.

Sebanyak empat (4) strategi untuk subsektor padi yang dilaksanakan iaitu:

- (i) Menggerakkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai badan pengurusan bagi pembelian padi dari pesawah terus ke kilang melalui Pusat Belian Padi (PBP). Jumlah penglibatan petani dalam urusan belian padi melalui PPK (70% daripada jumlah keseluruhan petani iaitu 71,345 orang pesawah akan terlibat. Sebanyak 8 buah PBP dijangka akan disiapkan pada tahun 2014;
- (ii) Penyeragaman harga padi di Semenanjung pada kadar: RM1,200/mt (tertakluk kepada mutu sebenar padi). Pelaksanaan pemutuan sebenar padi di PBP yang melibatkan PPK, petani, BERNAS dan juga di kilang padi swasta. Manakala pemindahan padi antara negeri dibenarkan tertakluk kepada pengeluaran permit oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB). Buat masa ini beberapa siri penerangan berhubung dengan pemutuan sebenar padi dan penyeragaman harga telah dilaksanakan di semua peringkat;
- (iii) Dana Kebajikan Petani yang diuruskan oleh setiap PPK dengan modal pusingan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PPK. Majlis penyerahan dana kepada PPK dijangka akan diadakan pada 22 Mac 2014 di PPK Beseri Perlis;
- (iv) memantapkan pengagihan beras subsidi ST15 dengan perkara-perkara berikut:

- pengagihan dilaksanakan di PBP /PPK/ Kilang Beras BERNAS;
- pelabelan - Kampit beras ST15 perlu dilabel dengan "Kegunaan Isi Rumah Warganegara Malaysia Sahaja" dan pembelian dihadkan dua (2) kampit untuk satu keluarga;
- dipasarkan di kedai-kedai seperti berikut:
- Kedai Agro bazar, Kedai KRIM, Kedai TUKAR, PERNAMA, Kedai Peladang dan sebagainya;
- penjualan di hypermarket akan dihentikan; dan
- dilaksanakan bermula pada 1 April 2014.

Majlis pelancaran jihad memerangi orang tengah dalam sub-sektor perikanan telah diadakan pada 9 Februari 2014 di Kuantan, Pahang.

Sebanyak 8 strategi utama yang akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memainkan peranan untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga setanding dengan yang ditawarkan oleh orang tengah. Sehingga ini sebanyak RM12 Juta telah diterima oleh NEKMAT untuk membeli terus dan menjual hasil tangkapan nelayan;
- (ii) mengambil alih hutang nelayan sebanyak RM40 juta daripada orang tengah menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Buat masa ini TEKUN sedang memperhalusi mekanisma pelaksanaan dan dijangka program akan dapat dilaksanakan penghujung Mac 2014;
- (iii) menyediakan tabung pinjaman tanpa faedah untuk kecemasan sebanyak RM50,000 kepada 87 Persatuan Nelayan Kawasan termasuk Sabah dan Sarawak menerusi NEKMAT. Mekanisma pelaksanaan sedang disediakan oleh LKIM;
- (iv) menyediakan tabung pinjaman mudah menerusi TEKUN Nasional bagi membeli bot ataupun sampan serta peralatan penangkapan;
- (v) menambah 50 pasar nelayan baharu di seluruh negara bagi membolehkan nelayan atau keluarga memasarkan terus hasil jualan. Tapak-tapak telah

dikenal pasti dan sedang dalam proses mendapatkan kebenaran menduduki oleh Kerajaan Negeri;

- (vi) nelayan menjual terus hasil tangkapan mereka kepada NEKMAT untuk tujuan sejuk beku yang akan dipasarkan melalui outlet Program Ikan Rakyat. Sebanyak 112 outlet Ikan Rakyat telah beroperasi di seluruh negara (sasarkan 170 jumlah outlet Ikan Rakyat bagi tahun 2014). Lokasi outlet baru akan dikenal pasti;
- (vii) mewujudkan lebih banyak pusat pengumpulan (CC) dan pusat pengedaran (DC). Lokasi CC dan DC yang baru sedang dikenal pasti; dan
- (viii) menyediakan lebih banyak tapak niaga di pasar tani dan konsep jualan terus secara *Fish-On-Wheel*. Sehingga kini sebanyak 258 daripada 517 pasar tani telah disertai oleh NEKMAT/ Persatuan Nelayan Negeri/ Persatuan Nelayan Kawasan dan terdapat 4 buah motosikal roda tiga sedang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kuantan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH : 24 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian boleh kemukakan sesalinan *feasibility study* tentang Jalan Pintas Sandakan Fasa II, dan asas-asas yang menyokong cadangan Menteri pada 25 November 2013 di Dewan Rakyat bahawa jalan ini tidak *feasible* dan tidak diluluskan, bilakah keputusan ini dibuat, dan apakah projek-projek lain yang lebih "merupakan keutamaan".

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan YB. Menteri Kerja Raya di Dewan Rakyat pada 25 November 2013 yang lalu mengenai Jalan Pintas Sandakan ialah merujuk kepada pelaksanaan projek tersebut tidak termasuk dalam senarai projek-projek yang diluluskan dalam RMKe-10 setakat ini. Ini berikutan peruntukan tersebut diberikan kepada projek-projek jalan lain yang lebih berkeutamaan di negeri Sabah, khususnya projek menaiktaraf Jalan Pan Borneo dan Jalan-Jalan Persekutuan utama yang lain.

Laporan Kajian Kemungkinan projek Jalan Pintas Sandakan telah disiapkan pada tahun 2005. Kajian tersebut mendapati projek ini sememangnya berdaya maju untuk dilaksanakan bagi tujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik di bandar Sandakan. Sehubungan itu, Kementerian ini akan memohon semula projek ini dalam *Rolling Plan* ke-4 (2015), RMKe-10.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kajian kemungkinan projek Jalan Pintas Sandakan ialah dokumen terperingkat Kerajaan berstatus 'sulit' dan ia tidak dibuka kepada awam bagi mengelakkan dari kegiatan spekulasi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]**
TARIKH : **24.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menutup beberapa sekolah kurang murid di pedalaman dan membangunkan sekolah yang lebih besar serta lengkap dengan semua kemudahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah bercadang untuk menutup mana-mana sekolah kurang murid (SKM) di kawasan pedalaman. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, di bawah Inisiatif Pemindahan SKM, kajian sedang dijalankan untuk melihat SKM yang boleh digabungkan atau dipindahkan ke lokasi baru jika terdapat keperluan. Walau bagaimanapun, pemindahan atau penggabungan SKM ini hanya akan dilaksanakan sekiranya mendapat persetujuan 100% daripada ibu bapa dan komuniti setempat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2014

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan adakah Bank Negara membenarkan bank-bank mengenakan faedah tambahan (*penalty interest*) sebanyak 3 peratus setahun atas segala pinjaman sekiranya seseorang peminjam Bank berkenaan telah tertunggak beberapa bulan bayaran ansurannya.

JAWAPAN

Institusi perbankan boleh mengenakan penalti lewat bayar sekiranya peminjam gagal membayar balik pinjaman dalam tempoh masa yang ditetapkan tertakluk kepada Garis Panduan Pengenaan Fi dan Caj. Institusi perbankan Islam juga tertakluk kepada Garis Panduan Caj Lewat

Bayar. Ini adalah penting bagi memupuk disiplin kewangan dan pengurusan kewangan yang teratur di kalangan peminjam.

2. Namun begitu, Garis Panduan di atas menetapkan bahawa institusi perbankan tidak boleh mengenakan kadar caj penalti melebihi 1% setahun ke atas jumlah bayaran balik yang tertunggak (kecuali kad kredit dan pinjaman sewa beli).

3. Sekiranya terdapat institusi perbankan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia tidak mematuhi peruntukan tersebut, kes-kes berkenaan bolehlah dikemukakan ke alamat seperti berikut untuk tindakan selanjutnya:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)

Tingkat Bawah, Blok D,

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

BNMTELELINK

Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

Faks: +603-2174-1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]**

**TARIKH JAWAPAN : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mencegah gangguan bekalan elektrik daripada terus berulang seperti yang berlaku di seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 17 Januari 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan amat peka akan masalah kualiti penyampaian bekalan elektrik dan gangguan bekalan elektrik yang masih dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sabah. Perancangan pembekalan elektrik di negeri Sabah merupakan suatu komitmen menyeluruh dan berterusan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kebolehharian pembekalan elektrik di Sabah.
2. Tahap pembekalan elektrik di sesuatu tempat boleh diukur melalui pencapaian *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)* (dengan izin) yang merupakan indeks yang digunakan untuk menilai kadar gangguan bekalan yang dialami oleh seseorang pengguna dalam setahun. SAIDI merupakan petunjuk bagi memantau prestasi sistem pembekalan elektrik oleh pihak utiliti atau agensi penguatkuasa dan bukannya merupakan satu sistem yang berfungsi mengawal kejadian-kejadian gangguan bekalan daripada berlaku.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang berhormat, sungguhpun keadaan gangguan bekalan masih berlaku di Sabah, akan tetapi kadar kekerapannya telah berjaya dikurangkan terutamanya dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Secara statistik, catatan SAIDI pada tahun 2009 adalah pada tahap **2,867** minit/pelanggan/tahun. Melalui usaha-usaha giat yang telah diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan, kadar SAIDI telah dapat dikurangkan kepada **687.38** minit/pelanggan/setahun pada 2010, seterusnya kepada **494.64** minit/pelanggan/setahun pada 2011, **557** minit/pelanggan/tahun pada tahun 2012 dan **423.99** minit/pelanggan/tahun pada tahun 2013. Ini merupakan pengurangan sebanyak **85.2%** pada tahun 2013 berbanding dengan catatan pada tahun 2009.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Kejadian yang berlaku pada 17 Januari 2014 adalah disebabkan oleh fakta bahawa dua (2) stesen janakuasa utama milik Penjana-penjanan Bebas (IPP) telah terhenti tugas dalam tempoh yang singkat (secara mengejut dan di luar kawalan) dan menyebabkan Grid Sistem tidak dapat menampung dan bertindak untuk mengelakkan berlakunya dengan izin *Total Blackout*. Kehilangan dua (2) stesen janakuasa yang

berkapasiti 180MW setiap satu adalah sangat besar kesannya kepada Sistem Grid Sabah. Pihak Suruhanjaya Tenaga dengan kerjasama daripada pihak Tenaga Nasional Berhad dan SESB sedang melaksanakan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian dan langkah-langkah bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang lagi pada masa akan depan.

5. Dalam pada itu, cadangan-cadangan penambahbaikan kepada sistem pertahanan Grid Sabah dan stesen janakuasa IPP sedang dalam pelaksanaan. Pihak SESB sedang mengambil tindakan ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) memantau kerja-kerja rentis pada semua talian penghantaran;
- (ii) membuat kajian semula secara menyeluruh ke atas *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk proses pemulihan bekalan;
- (iii) memeriksa keadaan dan menambahbaik sistem komunikasi antara *Load Despatch Centre* (LDC) dan semua stesen janakuasa;

- (iv) memastikan kesemua stesen janakuasa mengikut LDC SCADA *time tag* sebagai rujukan untuk memastikan kronologi kejadian-kejadian yang direkodkan adalah seragam; dan
- (v) mengkaji semula *protection relays* dengan izin bagi menentukan kesinambungan operasi setiap unit janakuasa bagi tempoh 600 milisaat semasa kehilangan sementara (*temporary loss*) voltan arus ulang alik bagi semua stesen janakuasa.

Masalah gangguan bekalan elektrik dijangka akan dapat diselesaikan setelah semua langkah-langkah yang dicadangkan diambil tindakan oleh SESB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6535

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) adakah terdapat pegawai keselamatan terutama pihak PDRM mengalami masalah ancaman psikologi dan tekanan mental akibat daripada kesan tohmahan, tuduhan melulu dan ejekan masyarakat ketika menjalankan tugas di lapangan; dan
- (b) adakah terdapat butiran statistik berkenaan jumlah pegawai yang memohon untuk mendapatkan kaunseling berkaitan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sejak bahagian agama dan kaunseling (BAKA) dalam Pasukan Polis ditubuhkan, tiada terdapat warga PDRM yang mengalami masalah ancaman psikologi dan tekanan mental akibat daripada tohmahan, tuduhan melulu dan ejekan masyarakat ketika menjalankan tugas. Pegawai polis telah dilatih untuk sentiasa tenang bagi menghadapi sebarang tekanan semasa menjalankan tugas mereka di lapangan.

Bagi menjawab soalan (b), khidmat kaunseling yang diberikan kepada pegawai polis bukan disebabkan tekanan akibat tohmahan masyarakat semasa kerja tapi ianya berpunca daripada masalah yang lain seperti masalah disiplin, keluarga, peribadi dan kerjaya.

Statistik pegawai polis yang menerima khidmat kaunseling bagi tahun 2011 sehingga tahun 2013 seperti berikut:-

BIL	TAHUN	MASALAH				UMUR (THN)			JANTINA	
		DISIPLIN	KELUARGA	PERIBADI	KERJAYA	17 - 30	31 - 44	> 45	LELAKI	WANITA
1.	2011	379	250	298	136	421	489	153	698	365
2.	2012	201	179	234	169	159	596	28	589	194
3.	2013	521	297	238	289	493	602	247	833	509

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
[BENTONG]

TARIKH : **24 MAC 2014 (ISNIN)**

SOALAN :

Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan pekerja sektor awam di bawah setiap suruhanjaya perkhidmatan mengikut kaum dan jantina dari tahun 2010 sehingga kini dan adakah Kerajaan akan memastikan setiap suruhanjaya perkhidmatan menepati sasaran untuk menambahkan lebih ramai pekerja pelbagai kaum.

JAWAPAN : **YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) Suruhanjaya Perkhidmatan Persekutuan di Malaysia iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Suruhanjaya

Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dan Suruhanjaya Pasukan Polis (SP Polis). Antara fungsi suruhanjaya-suruhanjaya ini ialah melantik penjawat-penjawat awam ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis, Perkhidmatan Pelajaran, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan Perkhidmatan Polis.

Jumlah penjawat awam yang telah dilantik di bawah setiap suruhanjaya perkhidmatan di atas mengikut kaum dari tahun 2010-2013 adalah seperti berikut :-

STATISTIK PELANTIKAN PENJAWAT AWAM OLEH SPA, SPP, SPKP DAN SPPOLIS MENGIKUT KAUM 2010-2013

Bil.	Kaum	SPA				SPP				SPKP				SPPolis			
		2010	2011	2012	2013	2010	2011	2012	2013	2010	2011	2012	2013	2010	2011	2012	2013
1	Melayu	28,618	28,367	33,427	45,392	28,540	23,144	5,340	15,511	277	125	108	69	2,894	5,247	3,637	1,177
2	Cina	2,392	3,686	2,630	2,901	3,510	3,632	965	1,475	14	21	13	16	63	82	52	65
3	India	1,994	2,316	2,354	2,018	1,614	1,674	641	868	20	20	12	17	98	291	137	149
4	Bumiputera Sabah	2,525	1,209	4,306	4,478	2,615	3,527	474	805	6	1	3	0	1,081	689	728	392
5	Bumiputera Sarawak	1,820	855	3,106	4,083	1,918	2,844	368	702	8	2	1	1				
6	Orang Asli Semenanjung	97	56	197	169	21	21	4	2	0	0	0	0	-	-	-	-
7	Lain-lain	619	321	1,315	1,018	826	307	554	324	6	2	3	3	12	20	50	19
	Jumlah	38,065	36,810	47,335	60,059	39,044	35,149	8,346	19,687	331	171	140	106	4,148	6,329	4,604	1,802

PERATUS PELANTIKAN PENJAWAT AWAM OLEH SPA, SPP, SPKP DAN SPPOLIS MENGIKUT KAUM 2010-2013

Bil.	Kaum	SPA (%)				SPP (%)				SPKP (%)				SPPolis (%)			
		2010	2011	2012	2013	2010	2011	2012	2013	2010	2011	2012	2013	2010	2011	2012	2013
1	Melayu	64.53	77.06	70.62	75.58	73.1	65.85	63.98	78.79	83.69	73.1	77.14	65.09	69.77	82.90	79	65.32
2	Cina	5.39	10.01	5.56	4.83	8.99	10.33	11.56	7.49	4.23	12.28	9.29	15.09	1.52	1.3	1.13	3.61
3	India	4.49	6.29	4.97	3.36	4.13	4.76	7.68	4.41	6.04	11.7	8.57	16.04	2.36	4.6	2.98	8.27
4	Bumiputera Sabah	5.69	3.28	9.1	7.46	6.7	10.03	5.68	4.09	1.81	0.58	2.14	0.00	26.06	10.87	15.81	21.75
5	Bumiputera Sarawak	4.10	2.32	6.56	6.8	4.91	8.09	4.41	3.57	2.42	1.17	0.71	0.94				
6	Orang Asli Semenanjung	0.22	0.15	0.42	0.28	0.05	0.06	0.05	0.04	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
7	Lain-lain	1.40	0.87	2.78	1.69	2.12	0.87	6.64	1.65	1.81	1.17	2.14	2.83	0.29	0.32	1.09	1.05
	Jumlah	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan penglibatan pelbagai kaum dalam perkhidmatan awam. SPA sebagai salah satu dari suruhanjaya perkhidmatan yang melantik penjawat awam sentiasa melaksanakan pelbagai usaha secara berterusan bagi memastikan maklumat berkaitan sektor perkhidmatan awam dapat disampaikan ke segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :-

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Representasi Bukan Melayu Dalam Perkhidmatan Awam;
- ii. Melaksanakan Kajian Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam Di Kalangan Masyarakat Bukan Melayu dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- iii. Menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa pelbagai bahasa termasuk Tamil/Cina dalam portal suruhanjaya perkhidmatan;
- iv. Menyiarkan "*crawlers*" mengenai urusan pengambilan jawatan di sektor awam di media elektronik seperti di televisyen semasa Berita Tamil/Cina dan radio Minnal.fm (RTM) serta radio tempatan di Sabah dan Sarawak;
- v. Mengadakan karnival kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik di seluruh negara;

- vi. Mengadakan Seminar SPA *Outreach*: Tips dan Panduan Memasuki Perkhidmatan Awam kepada orang ramai di seluruh negara secara percuma; dan
- vii. Mengadakan sesi dialog bersama wakil masyarakat berbilang kaum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
TARIKH : 24.03.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mengikut pecahan setiap negeri yang terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berdasarkan Data Kedudukan Guru Sekolah Rendah [Data Sistem Maklumat Guru Modul e-Operasi] seperti pada 17 Februari 2014 adalah seramai 849 orang. Jumlah tersebut tidak termasuk 336 guru Interim yang sedang berkhidmat. Manakala bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), kekurangan guru sehingga 17 Februari 2014 ialah 152 orang. Kementerian akan mengisi kekosongan yang masih ada dengan penempatan guru baharu mulai 1 April 2014.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**
[PADANG BESAR]
TARIKH : **24 MAC 2014 (ISNIN)**
SOALAN : **19**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kementerian kepada Yayasan Angkasawan Malaysia sejak ditubuhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 12 Ogos 2009 sebagai sebuah syarikat tanggungan berhad dan diuruskan oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Yayasan ini ditubuhkan dengan objektif bagi menggerakkan program-program kesedaran dan pendidikan awam mengenai bidang sains angkasa. Melalui aktiviti anjurannya atau secara strategik bersama

agensi-agensi di bawah MOSTI, sehingga kini YAM telah berjaya menganjurkan sekurang-kurangnya 300 program kesedaran awam mengenai sains angkasa termasuk program tahunan Sambutan Ulang Tahun Program Angkasawan Negara (SUPAN).

Merujuk kepada persoalan berkaitan dana yang telah diberikan oleh MOSTI, sebanyak RM5 juta telah disalurkan sebagai dana penubuhan (launching grant) pada tahun 2009 dan ia adalah bersifat *one off*. Selain daripada itu, sebagai sebuah yayasan di bawah kawal selia MOSTI, YAM juga ada menerima dana dan peruntukkan bagi melaksanakan pelbagai program-program kesedaran dan pendidikan awam mengenai bidang sains angkasa.

Sejak penubuhannya, Yayasan ini telah menerima dana pembudayaan dan program jangka luar berjumlah RM1.512 juta daripada MOSTI. Umpamanya bersempena dengan pelaksanaan “*Association Of Space Explorers (ASE)XXII Planetary Congress*”, Kuala Lumpur 2010, YAM telah disalurkan dengan peruntukan di bawah Program Penggalakan Sains dan Teknologi sebanyak RM1 juta.

Selain itu, pada tahun 2012, YAM juga telah menerima peruntukan di bawah Program Gerakan Inovasi –Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 (SGI2012) sebanyak RM300,000.00. Pada tahun 2013, sebanyak RM212,300.00 telah disalurkan bagi tujuan Program Jangka Luar daripada MOSTI.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah syarikat yang tidak berasaskan keuntungan, YAM juga perlu mendapatkan

sendiri sumber kewangan bagi maksud mengurus operasinya melalui sumber-sumber seperti:

- i) Pelaburan (dividen daripada simpanan tetap dana pelancaran)
- ii) Sumbangan (sumbangan awam dan penajaan program)
- iii) Penjualan *Merchandise*
- iv) Pelaksanaan Program

Bagi tahun ini, YAM akan memberikan fokus kepada misi yang lebih berimpak besar antaranya membangunkan bakat dan sumber manusia dalam bidang sains angkasa, penubuhan kelab astronautik di semua peringkat pengajian serta program *showcase* angkasawan di seluruh negara menggunakan dana daripada sumber yang dijana melalui program penajaan dana tanpa bergantung kepada peruntukan MOSTI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]
TARIKH : 24 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang kini menerima subsidi Kerajaan bulanan untuk rawatan dialisis dan juga rancangan Kementerian untuk tingkatkan kemudahan-kemudahan di hospital dan klinik awam untuk pesakit-pesakit dialisis yang jumlahnya makin meningkat dan tidak mampu membayar kadar swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan pelbagai kemudahan kesihatan dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (*End Stage Renal Disease*) dengan menyediakan bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Sejak tahun 2001 sehingga 2013, KKM telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin kepada sejumlah 2,494 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan, iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM30 untuk suntikan erythropoietin. Perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin sejak dari tahun 2001 sehingga 2013 ialah RM284.51 juta dan pada tahun 2013 sahaja sebanyak RM31.60 juta telah diluluskan sebagai subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan erythropoietin. Untuk makluman, sehingga kini, 59 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan 119 pusat dialisis telah didaftarkan oleh KKM untuk menerima subsidi rawatan hemodialisis.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang prihatin dengan keperluan pesakit buah pinggang khususnya pesakit golongan berpendapatan rendah dan Kerajaan selalu berusaha untuk meningkatkan kemudahan untuk rawatan dialisis di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sedia ada secara berkala. Pada masa ini, semua hospital KKM kecuali 3 buah hospital di negeri Sabah menyediakan perkhidmatan hemodialisis. KKM dalam proses menyediakan perkhidmatan hemodialisis di 3 buah hospital tersebut.

Walau bagaimanapun, memandangkan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis semakin meningkat, KKM sedang memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) di kalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kaedah rawatan ini adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan CAPD

dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri. Kaedah ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2014

Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

- (a) harga yang dibayar untuk dua buah kereta Proton Perdana edisi khas yang baru untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri; dan
- (b) kos untuk membeli 200 buah Proton Perdana yang pertama dan juga bagi jumlah 3000 buah kereta Proton Perdana yang akan dibeli oleh Kerajaan menjelang dua tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak membeli kereta rasmi khas Proton Perdana model baharu bagi Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama Khas C dan ke atas. Sebaliknya kenderaan ini disewa secara pajakan daripada Syarikat SPANCO. Proton Perdana model baharu ini merupakan gantian kepada Proton Perdana Executive yang telah tamat tempoh pajakan. Proton Perdana model Standard 2.0 diperuntukkan untuk Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/ Khas B dan C atau yang setaraf, manakala Proton Perdana model Executive 2.4 pula adalah untuk Anggota Pentadbiran, Hakim dan Pegawai Perkhidmatan Awam Gred Utama/Khas A dan ke atas atau yang setaraf.

No. Soalan: 22
PR-1321-L60189

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **24 MAC 2014**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah dasar tindakan
Kerajaan terhadap pembunuhan
berleluasa orang Islam di *Central African*
Republic (CAR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Luar Negeri menyambut baik keprihatinan YB Tumpat terhadap perkembangan dan pergolakan yang sedang berlaku di Republik Afrika Tengah (CAR).

2. Kementerian ini sentiasa mengikuti perkembangan di negara tersebut yang melibatkan pertelingkahan di antara penganut Kristian dan penganut Islam. Namun demikian, memandangkan perkara ini merupakan hal ehwal dalaman negara berkenaan, maka Kerajaan kita tidak berhasrat mencampuri urusan dalaman negara tersebut. Pendirian ini adalah selaras dengan dasar luar Malaysia yang diamalkan selama ini.

3. Walaupun begitu, Kerajaan amat peka dan prihatin terhadap perkembangan yang berlaku di sana kerana ianya melibatkan isu kemanusiaan dan hak asasi manusia yang telah berlarutan sejak Disember 2013. Kerajaan berpandangan bahawa, pertelingkahan antara penganut agama ini perlu ditangani dengan saksama oleh kerajaan negara berkenaan. Masyarakat antarabangsa juga boleh memainkan peranan bagi mengelakkan pembunuhan yang berlaku secara berterusan.

4. Sehubungan ini, Malaysia mengalu-alukan bantuan kewangan dan ketenteraan yang disalurkan oleh masyarakat antarabangsa bagi

membantu Kerajaan Sementara CAR dalam menangani isu ini. Sehingga kini, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Perancis, Sweden dan Bank Dunia telah menghulurkan bantuan kewangan sebanyak USD496 juta kepada Republik berkenaan. Selain dari bantuan kewangan, Kesatuan Eropah, Kesatuan Afrika (AU) dan Perancis juga telah memberi bantuan ketenteraan kepada CAR. *African-led International Support Mission*) MISCA telah menghantar seramai 6000 orang tentera dan Kerajaan Perancis seramai 2000 orang tentera manakala Kesatuan Eropah pula akan menghantar 1000 orang tentera ke negara berkenaan.

5. Kerajaan juga berharap pihak-pihak yang bertelagah dapat menghentikan persengketaan dan mencari jalan penyelesaian secara rundingan secepat mungkin. Dengan perlington Presiden Sementara yang baru di negara tersebut pada 23 Januari 2014 baru-baru ini, Malaysia yakin beliau mampu menyatupadukan rakyat serta dapat membawa keamanan dan keharmonian di Republik berkenaan. Keamanan dan kestabilan ini bukan sahaja penting kepada Republik Afrika Tengah, tetapi juga untuk menjamin kestabilan rantau berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6536

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap pelaksanaan program Bandaraya Selamat di seluruh negara pada masa ini dan apakah peranan yang dimainkan oleh anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam mempertingkatkan tahap keselamatan dalam program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Bandar Selamat (*Safe City Programme* - SCP) melibatkan kerjasama dan tindakan bersepadu antara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mewujudkan persekitaran yang selamat bagi penduduk selaras dengan usaha untuk mengurangkan jenayah.

Tahap pelaksanaan SCP di seluruh negara melalui pelaksanaan program seperti berikut:-

- i. Pemasangan CCTV Fasa I dan Fasa II; di premis perniagaan dan awam;**
- ii. Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS);**
- iii. Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED);**
- iv. Penambahbaikan pencahayaan;**
- v. Penyediaan cermin keselamatan;**
- vi. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor;**
- vii. Pemutihan Kawasan Hitam;**
- viii. Audit tempat letak kereta;**

- ix. **Jejantas tidak terlindung dari pandangan awam; dan**
- x. **Penyediaan papan tanda peringatan jenayah.**

Manakala peranan PDRM dalam Program Bandar Selamat adalah seperti berikut:-

- i. **Penubuhan Pasukan Unit Rondaan Bermotosikal (URB)**
- ii. **Penyediaan balai polis tetap atau bergerak;**
- iii. **Kerjasama antara PDRM dengan Pihak Swasta dalam Program *Safecam*;**
- iv. **Meningkatkan rondaan (MPV) di kawasan perumahan;**
- v. **Penyediaan penggera keselamatan (*panic button*);**
- vi. **Hari Kesedaran Jenayah; dan**
- vii. **Program *High Profile Policing*.**

Untuk makluman, Program Bandar Selamat bukan sahaja dipertanggungjawabkan kepada PDRM namun ia juga melibatkan kolaborasi antara KPKT, JPND, PBT, AADK, JPNIN dan JKM. Akhirnya, adalah penting bagi masyarakat untuk bersama-sama menjayakan program dan aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh PDRM dan pelbagai agensi bagi mengurangkan jenayah selaras dengan slogan “Keselamatan Adalah Tanggungjawab Bersama”.

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6534

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat asing yang ditangkap bekerja sebagai tukang urut, pelayan pelanggan (GRO) dan aktiviti pelacuran serta senaraikan rakyat asing yang ditangkap itu mengikut negara masing-masing pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan tiga bulan pertama tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelacuran adalah merupakan satu kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah Kanun Keseksaan di bawah Seksyen 372 Kanun Keseksaan (*iaitu menyalah guna mana-mana orang bagi tujuan persundalan*) dan Seksyen 373 Kanun Keseksaan (*iaitu pengawalan rumah-rumah persundalan*). Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) khasnya Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) amat peka dan sensitif kepada isu-isu pelacuran di negara ini khasnya melibatkan pelacur di kalangan warga tempatan dan juga warganegara asing. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian Dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang secara tidak langsung menjejaskan imej negara.

Statistik tangkapan warga asing yang terlibat dengan pelacuran, GRO dan pekerja rumah urut bagi tahun 2010 sehingga 2014 (Januari) seperti berikut:-

NEGARA	2010	2011	2012	2013	2014 (Jan)
CHINA	6,378	5,922	5,165	4,220	341
INDONESIA	1,508	1,208	1,418	1,258	123
THAILAND	1,854	1,492	2,009	3,158	424
VIETNAM	1,308	2,169	3,456	4,862	636
FILIPINA	1,270	750	845	465	42
MYANMAR	105	112	114	130	32
INDIA	62	67	139	110	14
UZBEKISTAN	26	12	70	6	8
LAOS	21	14	30	36	4
KAMPUCHEA	31	36	70	171	23
NEPAL	3	0	0	16	0
BANGLADESH	36	34	48	58	6
MONGOLIA	5	1	8	0	0
NIGERIA	3	8	10	85	19
KHYZTAN	0	0	0	1	0
KAZAKHSTAN	3	0	0	0	0
SINGAPURA	1	0	2	1	1
MOLDOVA	1	0	0	0	0
TAJIKISTAN	0	0	7	4	0
RUSSIA	0	0	1	9	2
VENEZUELA	0	0	0	0	1
PAKISTAN	0	0	0	9	0
KOREA	14	0	0	0	0
NETHERLANDS	1	0	0	0	0
TAIWAN	0	1	0	4	0
UGANDA	0	4	19	1	1
SRI LANKA	1	0	6	18	1
HONG KONG	0	0	1	0	0
MORROCO	0	0	4	0	0
KENYA	0	0	6	0	0
TURKI	0	0	0	10	0
UKRAINE	0	0	0	4	0
KENYA	0	0	6	0	0
AFRIKA	0	2	0	0	0
IRAQ	0	0	0	1	0
IRAN	0	0	0	1	0
JUMLAH	12,631	11,832	13,434	14,638	1,678

Kegiatan pelacuran akan terus berlaku selagi terdapat permintaan, kerana keuntungan yang tinggi dan tidak memerlukan modal yang besar menjadikan mereka tamak dan sanggup membelakangkan undang-undang. Kesan sosial yang diakibatkan oleh gejala pelacuran ini tidak harus diletakkan kesalahan ke atas pihak berkuasa sahaja tetapi masyarakat setempat juga perlu turut berganding bahu untuk membendung masalah ini daripada berleluasa.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
KAWASAN : SIPITANG
TARIKH : 24 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI (SIPITANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pelaksanaan projek Pan-Borneo, khususnya membabitkan laluan dari sempadan Sabah-Sarawak di Lawas/Sindumin hingga ke Kota Kinabalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012, Kerajaan telah meluluskan Program Menaiktaraf dan Membaikpulih Jalan Pan Borneo dengan kos sebanyak RM457 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM211.5 juta telah diperuntukkan untuk Negeri Sabah dan sebanyak RM245.5 juta untuk Negeri Sarawak.

Bagi Negeri Sabah, peruntukan tersebut telah diagihkan untuk pelaksanaan 86 projek seperti kerja-kerja pemuliharaan dan naiktaraf jalan, pembinaan lorong-lorong memotong, program keselamatan jalanraya dan rawatan kawasan kerap berlaku kemalangan (*blackspots*), pembaikan cerun dan juga pembaikan jalan-jalan yang sering ditenggelami banjir. Bagi Negeri Sarawak pula, peruntukan diagihkan kepada 23 projek yang meliputi kerja-kerja menaiktaraf jalan di Limbang dan Lawas dari piawai R3 ke R5, memperkukuhkan turapan jalan di Jalan Sibu-Selangau, 10 projek lorong memotong dan program keselamatan jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada Program Naiktaraf Jalan Pan Borneo ini, terdapat beberapa projek Jalan Pan Borneo yang dilaksanakan secara berasingan. Antara projek yang terletak di laluan Kota Kinabalu – Sindumin ialah Projek Naiktaraf Jalan Donggongon-Papar Pakej 1 sepanjang 13.7km dengan kos projek RM232.9 juta yang telah bermula April 2013 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2015.

Untuk masa hadapan, Kementerian ini akan memohon untuk meneruskan pelaksanaan projek Naiktaraf Jalan Donggongon-Papar Pakej 2 dan 3 sepanjang 27.6km dan juga akan memohon projek menaiktaraf Jalan Papar – Beaufort di dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

Sekian. Terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : 26

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan Kementerian untuk menangani kejadian kegagalan sistem komunikasi akibat daripada bencana alam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran (RTM), BERNAMA dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) memainkan peranan sebagai penyalur maklumat rasmi kepada seluruh masyarakat dalam sebarang kejadian bencana di seluruh negara.

Jabatan Penerangan adalah penyalur maklumat rasmi kepada pihak media melalui Pusat Media yang dibuka di lokasi kejadian. Pusat Media ini dilengkapi dengan peralatan telekomunikasi yang sesuai untuk

digunakan semasa berlakunya bencana. Jabatan turut juga menggunakan Unit Bergerak untuk membuat hebahan maklumat-maklumat penting kepada penduduk di kawasan bencana dan sekitarnya.

Selain daripada itu, sebagai alternatif kepada sistem telekomunikasi yang digunakan, Jabatan Penerangan Malaysia telah melatih seramai 30 orang pegawai (yang telah diberi lesen) khusus untuk mengendalikan HAM Radio (Radio Amatur) sebagai alat komunikasi semasa berlakunya bencana.

SKMM sentiasa bersedia sedia untuk bekerjasama dengan pemberi perkhidmatan untuk segera membaikpulih perkhidmatan komunikasi yang terganggu serta menyediakan sistem komunikasi sementara. Sistem komunikasi sementara ini boleh dibawa dan dipasang dengan notis singkat di mana-mana kawasan di Malaysia.

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6537

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap pemohon kad pengenalan yang disahkan bukan warganegara khususnya individu yang memohon dengan Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara di kawasan Baram.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penganugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing adalah mengikut peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, penentuan taraf kewarganegaraan seseorang yang dilahirkan di Malaysia adalah turut berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa semasa seseorang itu dilahirkan.

Sehubungan dengan itu, bagi permohonan kad pengenalan yang disahkan bukan warganegara, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan membuat pertimbangan pengeluaran kad pengenalan berdasarkan kepada dokumen perjalanan yang dimiliki oleh mereka. Hal ini bersesuaian dengan peruntukan Subperaturan 5(3)(c) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang membenarkan seseorang yang memasuki Malaysia secara sah melalui suatu pas imigresen atau permit yang sah dan dibenarkan menetap di Malaysia bagi tempoh dua belas bulan dan ke atas, untuk dikeluarkan Kad Pengenalan bertaraf Pemastautin Sementara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN :

YB. Datuk Juslie bin Ajirol minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pelancong asing dan pelancong domestik yang mengunjungi Sabah bagi tempoh suku pertama tahun ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan masih belum menerima perangkaan mengenai jumlah pelancong asing dan pelancong domestik yang mengunjungi Sabah bagi tempoh Januari hingga Mac 2014.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR**

KAWASAN : **SILAM**

TARIKH : **24.3.2014 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **29**

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan TPPA terhadap inti pati perjanjian yang boleh mencabar kedaulatan negara Malaysia dan menyekat ruang pembuatan dasar oleh Kerajaan melalui klausa "*Investor-To-State Dispute Settlement (ISDS)*" dan "*State-To-State Dispute Settlement (SSDS)*".

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Klausa "*Investor-To-State Dispute Settlement (ISDS)*" dan "*State-To-State Dispute Settlement (SSDS)*" seperti yang ditanyakan oleh YB Silam adalah peruntukan yang menggariskan kaedah dan prosedur untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian samada melalui konsultasi atau mekanisme timbang tara antarabangsa dimana SSDS adalah

mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian antara Kerajaan dan Kerajaan; sementara ISDS merupakan mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian antara pelabur dan Kerajaan berkenaan. Prosedur ini terdapat dalam semua FTA yang telah ditandatangani oleh Malaysia sebelum ini. Namun demikian, peruntukan ISDS dan SSSDS yang terdapat dalam FTA tidak menghalang Kerajaan daripada menggunakan, mengekalkan atau melaksanakan langkah-langkah atau dasar-dasar domestik untuk melindungi kepentingan negara.

Dalam proses rundingan TPPA, Malaysia telah meletakkan ruang pembuatan dasar oleh Kerajaan sebagai salah satu perkara paling sensitif bagi Malaysia di mana kepentingan negara perlu dilindungi.

Bagi semua isu termasuk ISDS dan SSSDS yang sedang dirundingkan, Kerajaan sentiasa meneliti dan menentukan supaya peruntukan yang dirundingkan mempunyai tahap '*safeguard*' yang bersesuaian untuk memastikan hak mentadbir dan membuat dasar dalam bidang-bidang kawalselia tidak terjejas serta tidak menghalang Kerajaan daripada menggunakan, mengekalkan atau menguatkuasakan langkah-langkah atau dasar-dasar domestik untuk melindungi kepentingan Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan contoh-contoh Bangunan Kerajaan dan Industri yang melaksanakan prinsip Penyelarasan Bangunan LEO (*Low Energy Office*) serta jumlah penjimatan tahunan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ahli Yang Berhormat,

1. Program demonstrasi model bangunan cekap tenaga yang dilaksanakan melalui pembinaan bangunan *Low Energy Office* (LEO) merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memupuk kesedaran serta meningkatkan pengetahuan berhubung konsep kecekapan tenaga bangunan. Bangunan LEO dibina berdasarkan standard MS 1525: *Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-Residential Buildings* (MS1525). *Building Energy Index (BEI)* untuk Bangunan LEO ialah 100 kWjam/m²/tahun berbanding bangunan konvensional iaitu di antara 200 hingga 300kWjam/ m²/tahun.
2. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada program demonstrasi LEO telah digunakan untuk meningkatkan tahap kecekapan di 12 bangunan Kerajaan di Putrajaya bermula tahun 2009. Secara purata, bil tenaga bangunan-bangunan tersebut dapat menjimatkan sebanyak 11.8% atau 4.46 juta kWjam

setahun. Manfaat daripada pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada bangunan LEO juga membantu industri pembinaan dimana sebanyak 144 buah bangunan telah mendapat persijilan awal Green Building Index melalui proses *Design Assessment (DA)*.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub [Machang]**
TARIKH : **24 MAC 2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesan jangka pendek dan panjang yang bakal diterima oleh rakyat dan negara secara keseluruhannya apabila Kerajaan mengumumkan untuk menambah bilangan kemasukan mahasiswa Bumiputera ke UiTM menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 14 September 2013 telah meletakkan UiTM di landasan yang betul di mana salah satu Agenda Pemerkasaan Kelima adalah untuk memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan. Salah satu fokus utamanya adalah meningkatkan enrolmen pelajar UiTM kepada 250,000 menjelang tahun 2020.

Penambahan enrolmen mahasiswa Bumiputera ke UiTM menjelang tahun 2020 ini merupakan salah satu usaha bijak untuk memperkasakan modal insan Bumiputera. Melalui usaha ini, lebih ramai pelajar bumiputera mendapat peluang untuk menceburi bidang-bidang profesional seperti bidang kejuruteraan dan perubatan yang ditawarkan di UiTM. Selain itu, untuk jangka masa panjang, usaha ini dilihat dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum di Malaysia, meningkatkan taraf hidup Bumiputera serta mampu membangunkan sosioekonomi masyarakat Bumiputera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut sektor dari tahun 2009 hingga 2013 bagi setiap negeri di Malaysia.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri bagi tahun 2005-2012 (tahun asas 2005) telah diterbitkan secara rasmi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 27 September 2013. Data tersebut boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia di www.statistics.gov.my.

JADUAL 1 : NILAI KDNK, PERUBAHAN TAHUNAN & PEMBAHAGIAN PERATUSAN PADA HARGA MALAR 2005

NEGERI	NILAI KDNK (RM BILION)				PERUBAHAN PERATUSAN (%)			PEMBAHAGIAN PERATUS (%)		
	2009	2010	2011	2012	2010	2011	2012	2010	2011	2012
Johor	55.3	60.7	64.6	68.8	9.8	6.4	6.5	9.0	9.1	9.2
Kedah	21.1	22.0	23.9	25.3	4.3	8.5	6.1	3.3	3.4	3.4
Kelantan	11.4	12.0	12.8	13.5	4.9	6.5	5.4	1.8	1.8	1.8
Melaka	18.5	19.7	20.5	22.0	6.6	4.0	7.2	2.9	2.9	2.9
N. Sembilan	23.8	25.2	26.4	27.7	5.8	4.9	5.0	3.7	3.7	3.7
Pahang	26.2	27.5	29.2	30.8	4.9	6.2	5.4	4.1	4.1	4.1
P. Pinang	43.6	48.2	50.0	52.5	10.4	3.9	5.0	7.1	7.0	7.0
Perak	32.7	34.6	37.0	39.6	5.7	7.0	7.1	5.1	5.2	5.3
Perlis	3.2	3.3	3.4	3.5	4.8	1.9	4.5	0.5	0.5	0.5
Selangor	139.2	155.7	164.6	176.2	11.9	5.7	7.1	23.0	23.1	23.5
Terengganu	17.7	18.5	19.0	19.6	4.3	2.6	3.5	2.7	2.7	2.6
Sabah	41.0	42.1	42.7	44.4	2.7	1.3	4.1	6.2	6.0	5.9
Sarawak	64.2	66.9	70.8	71.9	4.3	5.8	1.5	9.9	10.0	9.6
WP KL*	88.5	97.8	106.5	114.1	10.6	8.8	7.2	14.5	15.0	15.2
WP Labuan	2.5	2.6	3.0	3.2	6.4	13.6	5.8	0.4	0.4	0.4
Supra ¹	41.0	39.8	37.1	38.3	-2.9	-6.7	3.2	5.9	5.2	5.1
MALAYSIA	629.9	676.7	711.4	751.5	7.4	5.1	5.6	100.0	100.0	100.0

*Termasuk WP Putrajaya

¹ Supra State merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri

Pada tahun 2012, lima negeri (Selangor, WP Kuala Lumpur, Sarawak, Johor dan Pulau Pinang) mendominasi ekonomi negara dengan jumlah sumbangan sebanyak 64.5 peratus (Rujuk Jadual 1).

Selangor kekal sebagai peneraju utama dengan sumbangan 23.5 peratus (nilai KDNK sebanyak RM176 bilion), diikuti oleh WP Kuala Lumpur (WPKL) 15.2 peratus (RM114 bilion). Sementara itu, Sarawak menyumbang 9.6 peratus (RM71.9 bilion), Johor 9.2 peratus (RM68.8 bilion) dan Pulau Pinang 7.0 peratus (RM52.5 bilion).

JADUAL 2 : PERUBAHAN PERATUSAN KDNK MENGIKUT NEGERI & JENIS AKTIVITI EKONOMI BAGI TAHUN 2012 PADA HARGA MALAR 2005

NEGERI	PERUBAHAN PERATUSAN						
	Pertanian	Perlombongan & Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	Duti Import	Jumlah KDNK
Johor	3.8	18.1	6.1	17.3	6.7	11.4	6.5
Kedah	1.7	18.7	6.8	11.7	6.2	24.2	6.1
Kelantan	0.3	18.4	2.6	11.1	7.4	2.9	5.4
Melaka	4.9	15.8	5.9	56.6	5.7	77.1	7.2
N. Sembilan	2.2	15.7	3.9	13.3	6.2	11.2	5.0
Pahang	0.7	9.8	8.0	14.9	5.4	60.5	5.4
P. Pinang	4.8	15.4	3.4	22.0	5.7	20.8	5.0
Perak	2.1	19.7	5.4	51.1	7.5	-0.5	7.1
Perlis	1.9	14.6	3.2	-7.5	5.6	36.4	4.5
Selangor	5.4	16.4	5.6	10.8	6.9	19.3	7.1
Terengganu	-1.8	18.4	4.1	20.2	2.8	-2.8	3.5
Sabah	-5.4	10.3	0.3	13.1	6.5	-1.7	4.1
Sarawak	2.4	-7.8	0.8	22.5	6.4	-7.3	1.5
WP KL*	-	14.6	9.4	22.0	6.4	9.0	7.2
WP Labuan	3.3	n.a	6.1	50.2	5.6	-18.7	5.8
Supra	n.a	3.2	n.a	n.a	n.a	n.a	3.2
MALAYSIA	1.0	1.4	4.8	18.1	6.4	15.6	5.6

*Termasuk WP Putrajaya

Dari sudut pertumbuhan KDNK, tujuh negeri telah merekodkan kadar pertumbuhan melebihi paras nasional (5.6 peratus). Melaka dan WPKL mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada tahun 2012 iaitu sebanyak 7.2 peratus. Prestasi ekonomi Melaka dipacu oleh peningkatan sektor Perkhidmatan (5.7 peratus), Pembuatan (5.9 peratus) dan Pembinaan (56.6 peratus) manakala WPKL disokong oleh sektor Perkhidmatan (6.4 peratus). KDNK Perak dan Selangor meningkat 7.1 peratus dirangsang oleh pertumbuhan sektor Perkhidmatan dengan masing-masing mencatatkan peningkatan 7.5

peratus dan 6.9 peratus. Sektor ini juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Johor (6.5 peratus) yang berkembang pada 6.7 peratus (Rujuk Jadual 2).

JADUAL 3 : NILAI KDNK & KDNK PER KAPITA MENGIKUT NEGERI PADA HARGA SEMASA TAHUN 2010-2012

NEGERI	KDNK (RM BILION)			**KDNK PER KAPITA (RM)		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012
Johor	71.7	80.3	84.5	21,329	23,533	24,452
Kedah	26.8	30.4	31.6	13,744	15,398	15,832
Kelantan	14.8	16.7	17.4	9,322	10,342	10,566
Melaka	23.3	25.9	28.3	28,328	31,086	33,543
N. Sembilan	29.4	32.6	34.3	28,586	31,159	32,258
Pahang	34.6	39.7	40.6	23,008	26,033	26,159
P. Pinang	53.0	56.1	59.6	33,601	35,027	36,669
Perak	41.3	46.4	49.7	17,341	19,321	20,485
Perlis	3.8	4.0	4.3	16,175	17,007	18,150
Selangor	173.1	188.1	204.2	31,457	33,589	35,832
Terengganu	21.7	23.9	24.8	20,581	22,116	22,518
Sabah	55.8	63.1	64.1	17,118	18,873	18,758
Sarawak	84.9	98.9	102.9	34,136	39,143	40,075
WP KL*	108.5	120.5	132.5	62,075	68,089	73,970
WP Labuan	2.9	3.3	3.6	32,387	37,091	40,136
Supra	51.8	54.3	58.7	n.a	n.a	n.a
MALAYSIA	797.3	884.5	941.2	27,890	30,433	31,887

*Termasuk WP Putrajaya

**KDNK Per Kapita bagi tahun 2011-2012 telah dikemaskini berdasarkan unjuran penduduk yang terkini.

Melihat kepada perspektif dalam nilai nominal, pengukuran KDNK adalah berasaskan nilai pada harga semasa. Statistik ini penting bagi mengukur nilai KDNK perkapita bagi sesebuah negeri. WPKL mencatatkan KDNK perkapita tertinggi iaitu RM73,970 berbanding nasional RM31,887 pada tahun 2012 (Rujuk Jadual 3). Selain dari itu, terdapat 6 buah negeri yang turut merekodkan KDNK perkapita melebihi nilai nasional antaranya WP Labuan (RM40,136), Sarawak (RM40,075), Selangor (RM35,832) dan Pulau Pinang (RM36,669). Secara umumnya, nilai KDNK perkapita negeri pada tahun 2012 telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

JADUAL 4 : PEMBAHAGIAN PERATUS KDNK MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI BAGI TAHUN 2012 PADA HARGA MALAR 2005

NEGERI	PERATUS						Jumlah KDNK
	Pertanian	Perlombongan & Pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	Duti Import	
Johor	12.3	0.1	33.9	3.5	49.1	1.2	100.0
Kedah	11.9	0.1	31.0	2.4	53.9	0.6	100.0
Kelantan	24.2	0.1	5.5	1.7	68.3	0.2	100.0
Melaka	9.1	0.0	41.1	4.1	45.5	0.1	100.0
N. Sembilan	7.8	0.1	48.3	2.5	40.5	0.7	100.0
Pahang	20.0	0.7	25.5	2.8	50.9	0.0	100.0
P. Pinang	1.9	0.0	48.4	2.5	46.4	0.8	100.0
Perak	14.5	0.3	19.3	2.8	63.0	0.0	100.0
Perlis	23.8	0.2	10.0	2.7	61.3	2.0	100.0
Selangor	1.7	0.1	31.5	5.0	58.3	3.5	100.0
Terengganu	7.8	0.1	37.9	3.9	50.3	0.1	100.0
Sabah	20.8	20.7	7.9	2.9	47.4	0.4	100.0
Sarawak	11.6	21.1	27.0	3.2	36.8	0.3	100.0
WP KL*	-	0.0	4.0	4.6	89.9	1.4	100.0
WP Labuan	3.8	n.a	22.6	1.1	72.0	0.6	100.0
Supra	n.a	100.0	n.a	n.a	n.a	n.a	100.0
MALAYSIA	7.3	8.4	24.9	3.5	54.6	1.3	100.0

*Termasuk WP Putrajaya

Setiap negeri mempunyai komposisi aktiviti ekonomi yang tertentu, contohnya WPKL didominasi oleh sektor Perkhidmatan. Ekonomi negeri Selangor, Pulau Pinang dan Johor pula dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan dengan jumlah sumbangan melebihi 80 peratus daripada KDNK negeri-negeri tersebut. Manakala aktiviti Perlombongan dan Pertanian turut menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negeri Sabah dengan sumbangan 41.5 peratus dan Sarawak sebanyak 32.7 peratus (Rujuk Jadual 4).

Prestasi ekonomi mengikut negeri bagi tahun 2013 akan diterbitkan pada bulan September 2014.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG]

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [PARIT SULONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan oleh Kerajaan kepada TERAJU dalam memperkasa ekonomi Bumiputera dan jangka masa pencapaian bagi setiap KPI tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memperkukuhkan penyertaan Bumiputera agar jurang ekonomi dapat dirapatkan, TERAJU, melalui inisiatif serta program yang telah dan sedang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi Bumiputera. Lebih daripada RM17 bilion dalam bentuk peluang perniagaan, pembiayaan dan pembangunan modal insan sedang disediakan oleh TERAJU dalam memperkasa ekonomi Bumiputera dan pegangan ekuiti melalui inisiatif dan program yang telah disediakan.

Bagi memantau prestasi pelaksanaan serta kemajuan inisiatif dan program di bawah kelolaan TERAJU, beberapa penunjuk prestasi utama (KPI) telah dikenalpasti. Secara keseluruhan, KPI bagi TERAJU dinilai secara tahunan bagi memantau keberhasilan inisiatif dan program yang dilaksanakan. Data-data yang diperolehi bagi penghujung tahun 2013 telah menunjukkan hasil yang positif, menandakan bahawa TERAJU telah mencapai hampir keseluruhan sasaran yang telah ditetapkan pada 2013. KPI bagi TERAJU yang ditetapkan dan pencapaiannya adalah seperti berikut:

	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian Keseluruhan Sehingga Februari 2014
1.	Jumlah syarikat yang diiktiraf sebagai syarikat TERAS.	300	231	300	520
2.	Jumlah syarikat TERAS yang menceburi pasaran luar negara.	50	50	60	61
3.	Jumlah syarikat yang menyertai Program Pembiayaan Ekuiti.	10	13	Digugurkan dari KPI	13
4.	Jumlah syarikat yang berpotensi menjadi Syarikat Juara Korporat Bumiputera (BCC).	10	10	40	11
5.	Jumlah syarikat yang dikenalpasti dan dibantu/dilatih di bawah Program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJ).	4	4	Digugurkan dari KPI	8
6.	Jumlah Dana TERAS yang dijana melalui kerjasama dengan institusi kewangan dan bukan kewangan (RM billion).	1.0	0.8	0.5	1.64
7.	Jumlah Dana TERAS yang diluluskan (RM juta)	500	272.89	500	466

	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	Sasaran 2014	Pencapaian Keseluruhan Sehingga Februari 2014
8.	Jumlah syarikat TERAS yang menerima kemudahan pinjaman di bawah Dana TERAS.	100	101	150	118
9.	Jumlah Dana Mudahcara yang diluluskan (RM juta).	500	374.4	500	597.1
10.	Jumlah projek yang dibiayai dan dibantu dengan kerjasama Koridor Ekonomi dan wilayah tengah.	70	70	80	116
11.	Jumlah projek mega yang mengikuti inisiatif Peruntukan Khas Bumiputera (<i>Carve-out and compete</i>).	3	4	6	5

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI
YEW
(SIBU)**

**TARIKH : 24.03.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sebab kapal rondaan tidak dibina di Sibul, kerana di Sibul mempunyai 'shipyard' yang berkemampuan. Senaraikan jenis kapal rondaan yang dibina tempatan dan kosnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengalu-alukan kesediaan limbungan tempatan yang berkemampuan menawarkan pembinaan kapal-kapal ronda untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Justeru, kesemua limbungan tempatan yang berminat dan mempunyai kemampuan tersebut disarankan untuk mendaftarkan kemampuan limbungan kepada Kerajaan.

Sehingga kini, Kerajaan telah membina 6 buah kapal rondaan dengan limbungan tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah SPRM mempunyai pasukan penyiasat khas seperti *special branch* untuk membuat pengintipan terhadap kegiatan rasuah yang buruk di semua peringkat dalam negara atau hanya bergantung kepada laporan sahaja.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM mempunyai struktur Bahagian Perisikan yang menjalankan tugas-tugas *special branch*. Bahagian ini telah ditubuhkan semenjak tahun 1998. Bahagian ini mempunyai kemampuan untuk menjalankan risikan bagi membantu membuktikan kes-kes rasuah.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN

DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebarang perancangan dari pihak Kementerian untuk mempertimbangkan rebat atau diskaun kepada pengguna Kad Rapid bagi penggunaan pengangkutan awam pada waktu puncak bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedang dalam usaha untuk memperkenalkan sistem tiket bersepadu di sektor pengangkutan awam khususnya bagi perkhidmatan rel bandar seperti KTM Komuter, LRT, Monorail, ERL dan MRT serta perkhidmatan bas henti-henti di Lembah Klang. Cadangan projek ini dijangka akan diperkenalkan pada suku ketiga tahun 2016.
2. Dengan adanya sistem tiket bersepadu ini, pengguna bukan sahaja dapat menggunakan kad integrasi tanpa tunai (*cashless*) pra-bayar malah kemudahan menggunakan Kad Mesin Juruwang Automatik (*automated teller machine - ATM*), Kad Debit dan Kad Kredit yang berasaskan teknologi baru iaitu (*EMV- Euro Master Visa*) juga sedang diteliti dan dicadang untuk digunakan di sistem perkhidmatan pengangkutan awam tersebut.
3. Bagi menggalakkan penggunaan sistem kad tanpa tunai ini, Kerajaan merancang untuk pengguna kad tanpa tunai tersebut diberikan potongan harga tambang perkhidmatan pengangkutan awam. Selain daripada itu, kad konsesi bagi golongan pengguna tertentu seperti pelajar sekolah, golongan kurang upaya dan warga emas juga dicadang untuk menikmati potongan harga yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
TARIKH : 24.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan pra pendidikan sekolah dari tahun 2010 hingga 2013 yang telah bekerja dalam bidang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian *Tracer Study*, graduan bagi program Pra Pendidikan Sekolah/Pendidikan Awal Kanak-kanak yang telah mendapat pekerjaan dari tarikh menduduki peperiksaan terakhir hingga tarikh menghadiri konvokesyen, iaitu secara lazimnya dalam tempoh 3-4 bulan adalah seperti berikut:

Pada tahun 2010, kajian yang dilaksanakan pada hari konvokesyen mendapati seramai 76 orang (31.5%) menyatakan status bekerja. Sementara pada tahun 2011 dan 2012, masing-masing sebanyak 348 orang (62.3%) dan 240 orang (45.1%) telah bekerja. Manakala pada tahun 2013, jumlah ini telah menunjukkan peningkatan yang agak ketara, iaitu seramai 64.6% atau 503 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 - DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**
TARIKH : **24 MAC 2014 (ISNIN)**
NO SOALAN : **NOMBOR 38**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kabinet berhubung cadangan Konsensus Nasional bagi mengatasi permasalahan perkauman, jenayah dan ekonomi yang melanda negara.

Tan Sri Yang Dipertua,

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang unik sejak merdeka lagi. Keunikan ini, yang didiami oleh rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya, bersatu membina dan membangunkan watan tercinta. Hakikat ini, turut diakui UNESCO dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Selama 56 tahun kita memerintah sehingga sekarang, Malaysia telah membangun begitu pesat, hinggakan rakyatnya dapat hidup aman dan harmoni mengecapi nikmat kemakmuran negara.

Namun sejak kebelakangan ini, setelah berlalunya Pilihanraya Umum Ke-13, akibat politik adu domba dan persepsi negatif yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu, hubungan muhibbah yang disemai oleh Kerajaan selama ini mulai longgar. Kenyataan yang menyentuh sensitiviti antara agama dan masyarakat berbilang

bangsa, telah menyebabkan polarisasi kaum menjadi renggang dan kian membesar. Keadaan ini, boleh merosakkan kerukunan dan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Tan Sri Yang Dipertua,

Oleh kerana itu, kita perlukan Penyatuan Nasional atau *national reconciliation*. Penyatuan Nasional ini adalah ilham dan inisiatif Kerajaan untuk menambah baik hubungan kaum. Ia bukan sekadar *appeasement*. Konsep Penyatuan Nasional ini, selari dengan Gagasan 1Malaysia, yang bertujuan memupuk semangat kebersamaan di kalangan rakyat, untuk turut sama-sama berperanan membina negara Malaysia yang bersatu padu, dalam mendepani cabaran masa depan. Ini tidak bermakna, Kerajaan akan melepaskan kepentingan nasional, hanya semata-mata untuk memenuhi kehendak atau tuntutan pihak-pihak tertentu.

Pelanpenyatuan nasional ini, berteraskan kepada empat tunggak utama iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa. Pelan ini lebih kepada melibatkan kolaborasi, pendirian bersama dan membina persefahaman demi kebaikan agama serta masyarakat.

Semestinya, bingkai kerangka penyatuan nasional ini berpaksi kepada Perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020. Manakala, pegangan *wassatiyah* atau kesederhanaan menjadi kunci dalam mendekati rakyat dan memulihkan kerukunan hubungan antara kaum.

Tan Sri Yang Dipertua,

Penyatuan Nasional ini terbahagi kepada dua. Pertama, di peringkat dasar, melalui penubuhan Majlis Kosultasi Perpaduan Negara atau MKPN. Ia menumpukan kepada beberapa bidang seperti perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara, membina bangsa dan persefahaman silang budaya,

pembangunan inklusif, belia dan perpaduan serta integrasi nasional. Komposisi MKPN juga ada melibatkan mereka yang tidak bersama Kerajaan atau mempunyai pendirian politik yang berbeza. Di samping itu, MKPN boleh dijadikan landasan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia, bagi merintis jalan ke arah mencari penyelesaian, mengatasi polarisasi kaum dan pemupukan keharmonian antara agama serta pembentukan dasar sosial yang inklusif dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

Tan Sri Yang Dipertua,

Sesungguhnya, Kerajaan telah berusaha sedaya mungkin dalam membina hubungan baik dengan semua pihak dan golongan, termasuklah negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan pimpinan Kerajaan negeri Kelantan, bagi merintis jalinan kerjasama dalam usaha membangun dan memajukan negeri tersebut.

Terkini, kita telah menyaksikan Memorandum Persefahaman atau MoU untuk penstrukturan semula industri air, yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor dalam menyelesaikan isu air yang telah berlanjutan sejak 2008 lagi, demi kepentingan rakyat dan kemajuan bersama. Malah baru-baru ini, Kerajaan telah merasmikan projek jambatan kedua Pulau Pinang, yang kemudiannya diumumkan sebagai Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Inisiatif ini yang dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun negeri Pulau Pinang ditadbir oleh pembangkang.

Di peringkat kedua pula *social grasssroot movement*. Antara programnya ialah seperti pelancaran Skwad Uniti, yang telah dilancarkan pada 9 Mac 2014. Skwad ini melibatkan penggembelengan Kelab Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Mediator Komuniti di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Ia akan melebarluaskan program tradisi seperti kawalan

keselamatan kepada program-program kesukarelawanan seperti gotong-royong, bantuan bencana dan bantuan-bantuan kepada yang kurang upaya serta memerlukan.

Berkait itu juga, Kerajaan sentiasa komited dan bersifat terbuka, mengadakan dialog, melakukan sesi *engagement* dan perbincangan, dengan melibatkan pelbagai kelompok, komuniti dan pertubuhan, bagi memupuk semangat muhibbah, hubungan erat sesama rakyat, toleransi, patriotisme kepada negara.

Tan Sri Yang Dipertua,

Jelasnya, kita adalah Kerajaan yang *walk the talk* dan berjiwa besar. *We must rise above party politics*, mengenyepikan perbezaan ideologi, melakukan apa yang terbaik untuk rakyat dengan meletakkan usaha pembangunan dan pembinaan negara (*nation-building*) sebagai agenda teras utama. Ikhtiar dan inisiatif sebegini akan diteruskan demi mewajah masa depan negara Malaysia yang lebih aman, makmur dan sentosa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY**
SANTIAGO
KAWASAN : **KLANG**
TARIKH : **24.03.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **39**

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jaminan Kementerian bahawa kos ubat (medicine) tidak akan naik disebabkan oleh Perjanjian Perdagangan Bebas TPPA dan EU-Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-ahli yang Berhormat, rundingan FTA termasuk rundingan TPPA tidak hanya dijalankan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Perunding-perunding daripada Kementerian dan Agensi lain turut mengetuai rundingan bagi pihak Malaysia untuk bab yang berkaitan dengan bidang kuasa mereka. Sebagai contoh:

- Bab Perkhidmatan Kewangan diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

- Bab Perolehan Kerajaan diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Kewangan;
- Bab Alam Sekitar diketuai oleh perunding-perunding daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; dan
- Bab Buruh diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Sumber Manusia.

Begitu juga bagi isu-isu hak harta intelek, rundingan di bawah bab ini diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Isu spesifik mengenai kos atau harga ubat-ubatan yang dibincangkan dalam bab hak harta intelek pula tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang DiPertua,

Rundingan mengenai hak harta intelek yang secara tidak langsung berkaitan dengan harga ubat-ubatan masih berlangsung. Bagi bidang farmaseutikal, perbincangan umum masih diteruskan di antara semua negara mengenai perlindungan harta intelek yang wajar diberikan kepada produk-produk farmaseutikal.

Kerajaan akan terus memastikan rakyat mendapat akses kepada ubat-ubatan pada harga mampu milik dan mempertingkatkan pengeluaran ubat generik tempatan. Kerajaan sedar bahawa inovasi ubat-ubatan baru wajar untuk diiktiraf sebagai insentif kepada syarikat farmaseutikal untuk terus kekal dalam industri dan terus berdaya saing melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan ubat-ubatan baru untuk menangani penyakit-penyakit tertentu. Walau bagaimanapun, kemasukan ubat-ubatan generik juga adalah perlu bagi memupuk persaingan dan memberikan pilihan kepada pengguna. Oleh itu, Malaysia yakin satu keseimbangan dapat dicapai di antara melindungi hak

syarikat ubat-ubatan dan hak menjamin kemampuan rakyat untuk mendapatkan ubatan mampu milik.

Kerajaan mempunyai kaedah tertentu untuk memastikan harga ubat diperolehi pada harga yang mampu diperolehi dengan pembelian pukal melalui tender. Negara juga mempunyai pengilang tempatan yang dapat memberi saingan harga kepada produk impot. Kerajaan juga memantau harga ubat di pasaran dan memastikan persaingan sihat di antara syarikat pembekal ubat-ubatan selaras dengan objektif Dasar Ubat Nasional (DUNas) untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat yang berkualiti, selamat dan berkesan serta mampu milik.

Pada masa yang sama, ingin saya memaklumkan Ahli-ahli yang Berhormat bahawa kenaikan kos ubat-ubatan bukan hanya disebabkan oleh perjanjian perdagangan bebas semata-mata, namun mempunyai faktor-faktor domestik lain yang perlu diambil kira kesannya juga.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KETIGA BELAS(2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 24 MAC 2014 [ISNIN]

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) bilangan orang bukan Islam yang memeluk agama Islam dalam tempoh 10 tahun lepas; dan
- (b) bilangan orang Muslim Melayu yang keluar dari Islam dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) sebagaimana bidang kuasa yang termaktub

dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, **maklumat yang tepat bagi bilangan orang yang memeluk Islam hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN masing-masing.**

Dalam konteks ini, bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mengikut rekod Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), bilangan orang yang memeluk agama Islam bagi tempoh 2008–2012 adalah seramai 4,520 orang.

b) Setakat ini, **tidak ada penganut agama Islam termasuk saudara baru yang keluar Islam berdasarkan tiada permohonan untuk keluar Islam di Mahkamah Syariah,** kecuali permohonan menentukan status agama yang dipohon oleh individu berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Mahkamah Syariah akan menimbang permohonan tujuan menentu status agama dalam keadaan berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seperti nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6542

SOALAN:

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap oleh pihak berkuasa sehingga Feb 2014 dan berapa bilangan majikan yang ditangkap kerana melindungi PATI.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh aktiviti penguatkuasaan Ops Bersepadu Fasa 2 bermula sejak 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014, bilangan operasi yang dijalankan bagi seluruh negeri adalah sebanyak 1,166 melibatkan seramai 13,515 orang anggota penguatkuasa. Daripada jumlah operasi yang dijalankan, seramai 27,158 orang telah diperiksa manakala 7,581 orang PATI telah ditahan. Seramai 99 majikan telah ditahan kerana melakukan pelbagai kesalahan termasuk melindungi PATI.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 42

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan masalah pembekalan air bersih
di kawasan luar bandar seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di antara isu-isu atau masalah yang dihadapi oleh Kementerian dalam menyediakan kemudahan infrastruktur asas di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah seperti berikut;-

- a) Sumber air yang terhad di sesuatu kawasan;
- b) Kapasiti loji, tekanan air atau paip utama yang perlu dinaiktaraf;
- c) Lokasi yang terpencil dan kemudahan akses yang terhad;
- d) Isu tanah seperti kesukaran mendapat kebenaran izin lalu;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 - DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**
TARIKH : **24 MAC 2014 (ISNIN)**
NO SOALAN : **NOMBOR 43**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan menyatakan prestasi Bahagian Pembangunan Komuniti (BPK) untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional dapat dijayakan.

Tan Sri Yang Dipertua,

Bahagian Pembangunan Komuniti adalah salah satu bahagian di bawah JPNIN yang mana mempunyai objektif sebagaimana berikut :

- a) Memupuk, memelihara dan meningkatkan perpaduan dan keharmonian masyarakat sejiran melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berbentuk penggalakkan, pencelahan, pencegahan dan pemulihan di kalangan masyarakat berbilang kaum.

- b) Menyemai dan memupuk nilai-nilai perpaduan di kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan masyarakat setempat menerusi aktiviti pendidikan pra sekolah dan ko-kurikulum ke arah pembentukan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia mengikut acuan 1 Malaysia.

- c) Mewujudkan kawasan perumahan dan kejiranan yang selamat dan aman menerusi jentera Rukun Tetangga dan melalui Program Rukun Tetangga yang memfokuskan kepada pembentukan semangat kejiranan.

Dalam mencapai objektif berkenaan beberapa mekanisma dan jentera pelaksanaan telah diwujudkan iaitu :

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

KRT ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) yang mempunyai peranan signifikan dalam memastikan kesejahteraan komuniti dan memelihara perpaduan kaum di peringkat akar umbi. Bilangan KRT seluruh negara yang meningkat sebanyak 102% berbanding tahun 2013 menjadikan KRT kini sebanyak 6597 kawasan yang beroperasi sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi. Kekuatan keanggotaan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga Induk kini mencecah sehingga 164,925 orang dengan purata 25 AJK/KRT. Ini menunjukkan liputan keseluruhan Kawasan Rukun Tetangga bagi pengoperasian dan pengendalian aktiviti KRT adalah mencakupi sehingga 13,194,000 orang yang melibatkan separuh daripada jumlah penduduk di Malaysia.

Dengan menggariskan objektif untuk memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan serta keharmonian masyarakat KRT melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan pada akhir tahun 2013 mencecah sehingga 180,836 aktiviti. Pencapaian pelaksanaan aktiviti dilihat dalam peglibatan secara menggalakkan seramai 5,931,750 orang penyertaan penduduk dari pelbagai kaum yang melibatkan pelbagai peringkat sasaran seperti Jiran Wanita, Jiran Usia Emas, Jiran Muda dan Tunas Jiran di kawasan kejiranan. KRT berperanan sebagai "*Sosial Engginering*" dalam membangunkan masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti dalam pelbagai bidang yang merangkumi 5 teras utama

iaitu Perpaduan, Keselamatan, Pendidikan dan Hobi, Ekonomi dan Sara Hidup serta Kualiti hidup.

2. Skim Rondaan Sukarela (SRS)

SRS merupakan skim yang ditubuhkan di bawah naungan KRT. Pengoperasian dan pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela termaktub dalam Bahagian iii Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751).SRS memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan penduduk setempat disamping merupakan landasan (Platform) memupuk interaksi berkesan kearah perpaduan masyarakat pelbagai kaum.Kepentingan SRS jelas dilihat apabila SRS diletakkan dalam kelompok NKRA dan menjadi salah satu komponen penting yang diukur dalam pencapaian NKRA Keselamatan.

Sehingga akhir tahun 2013 terdapat sebanyak 4099 Skim Rondaan Sukarela yang diluluskan oleh Jabatan yang mana ianya berperanan membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat akar umbi. Kekuatan keanggotaan adalah seramai 165,000 orang yang meliputi kawalan 8,198,000 orang penduduk dalam Kawasan Rukun Tetangga.

Selain daripada aktiviti rutin rondaan pencegahan jenayah yang dilaksanakan anggota SRS, terdapat sekurang-kurangnya 2932 program keselamatan yang turut dipergiatkan termasuklah :

- i. 413 aktiviti Jom Ronda.
- ii. 109 Seminar Keselamatan;
- iii. 2295 program bersama PDRM
- iv. 115 Program Kampen 10 keluarga 1 anggota SRS; dan
- v. lain-lain lagi aktiviti keselamatan dan pencegahan jenayah.

Selain itu, berdasarkan rekod keberkesanan SRS juga diukur melalui bilangan kes yang telah ditangani oleh anggota SRS iaitu sebanyak 7997 kes yang dikendalikan sehingga akhir tahun 2013. Usaha ini juga disokong melalui hasil dapatan kajian persepsi Rasa Selamat (*Feel Safe*) yang dijalankan dalam kawasan rondaan SRS yang menunjukkan pencapaian sebanyak 90.59 % persepsi rasa selamat penduduk dalam Kawasan Rukun Tetangga (tidak termasuk Negeri Sabah dan Labuan).

3. Tabika Perpaduan dan Taska PERMATA Perpaduan

Tabika Perpaduan dan Taska PERMATA Perpaduan ditubuhkan dibawah naungan KRT yang bertujuan menyediakan kemudahan bagi pendidikan asas kanak-kanak dan asuhan kanak-kanak bagi membolehkan mereka menghayati nilai-nilai hidup bermasyarakat sebagai persediaan ke alam persekolahan formal dan menyemai nilai-nilai perpaduan bermula dari peringkat awal persekolahan.

Sehingga kini terdapat 1781 Kelas Tabika perpaduan dan 41 buah Taska PERMATA Perpaduan yang masing-masing melibatkan bilangan seramai 40,008 orang dan 1,025 kanak-kanak terdiri dari pelbagai kaum di seluruh negara. Prestasi Tabika diukur melalui pencapaian piagam pelanggan iaitu mencapai sekurang-kurangnya skor purata 3.5 dari skala 5 bagi kepuasan ibubapa terhadap tabika perpaduan. Dapatan yang dijana sebanyak 2 kali setahun iaitu 3.9 skor yang diperolehi pada Jun 2013 dan 3.8 skor pada Oktober 2013 menjelaskan prestasi kecemerlangan Tabika Perpaduan dalam memberi perkhidmatan pendidikan untuk kanak-kanak di peringkat komuniti amat memberangsangkan.

Tabika dan Taska PERMATA Perpaduan melaksanakan program-program pembelajaran interaktif melalui perkongsian bijak antara kerajaan dengan swasta serta penerapan unsur perpaduan dalam aktiviti yang dilaksanakan dengan penglibatan Kanak-kanak dari pelbagai kaum belajar bersama, bermain dan berinteraksi antara satu sama lain di awal usia lagi.

4. Jaringan kerjasama dengan agensi lain

Dalam merealisasikan pencapaian objektif yang digariskan, kerjasama dengan agensi lain juga dititiberatkan. Antara program dan agensi yang bergerak rapat dalam mencapai objektif mensejahterakan komuniti adalah seperti :

- i. Program Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera (RAPAT);
- ii. Program SEKATA bersama LPPKN; dan
- iii. Agensi-agensi lain yang berkaitan.

Dengan adanya jaringan kerjasama baik antara pelbagai agensi ianya lebih memudahkan setiap objektif dalam program dicapai dengan lebih teratur dan tersusun.

5. Integrasi Nasional

Pemupukan integrasi nasional dikalangan masyarakat digerakkan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti lawatan integrasi nasional di peringkat KRT yang melibatkan proses pemahaman dan penerimaan serta pertukaran pandangan dan idea dalam pelbagai budaya dikalangan pelbagai kaum. Program Lawatan Integrasi yang melibatkan antara wilayah penting dalam usaha menterjemahkan amalan cara hidup dan budaya masyarakat malaysia yang lebih pelbagai dan harmoni sekaligus mewujudkan sikap toleransi dan penerimaan dikalangan masyarakat setempat.

Justeru itu, JPNIN melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan juga Bahagian-bahagian lain yang ada akan sentiasa merancang pendekatan yang bersesuaian mengikut peredaran semasa dan melaksanakan semua agenda yang telah diatur untuk perpaduan. Ini bersesuaian dengan transformasi kerajaan dan selaras dengan kehendak masyarakat kini yang sememangnya sentiasa mengimpikan keamanan

dan kesejahteraan yang berkekalan untuk meningkatkan tahap interaksi masyarakat ke arah mengamalkan nilai-nilai murni serta penghayatan kepada semangat perpaduan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]
TARIKH : 24 MAC 2014
SOALAN :

YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci tentang kajian Skim 1Care setakat ini dan bilakah Kementerian akan melaksanakan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, berkaitan 1Care, cadangan ini masih lagi di peringkat konsep. Sehingga kini, masih belum ada sebarang keputusan muktamad yang dibuat mengenai model sistem kesihatan baru yang akan diguna-pakai untuk Negara ini termasuk model pembiayaan kesihatan. Pelbagai aspek persediaan mengenai 1Care sedang diperincikan dengan mengambilkira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). Usaha ini merupakan satu proses yang dinamik dan interaktif. Hasil perbincangan perlu diteliti rapi dan jika perlu, perubahan akan dibuat dari semasa ke semasa.

Namun demikian, KKM sentiasa berusaha untuk mentransformasikan sistem kesihatan Negara supaya ia turut maju seiring dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara berpendapatan tinggi. Beberapa langkah pro-aktif ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat sedang diusahakan untuk dilaksanakan dalam jangka masa terdekat:

- a. Memberi keutamaan hala tuju KKM bagi tahun 2014 ke arah pencegahan penyakit dan mengekalkan tahap kesihatan untuk menjadikan rakyat yang lebih sihat dengan memberi fokus kepada pengukuhan penjagaan kesihatan primer;
- b. Disebabkan isu kesesakan di fasiliti kesihatan Kerajaan, terdapat keperluan untuk melihat semula proses kerja di semua fasiliti tersebut dengan mengoptimumkan sumber tenaga kerja yang ada untuk penyampaian sistem kesihatan yang lebih baik dan memupuk perkongsian awam-swasta;
- c. Membangunkan Pelan Induk Sumber Manusia Kesihatan dengan mengenalpasti keperluan latihan, pendidikan dan bekalan bagi mengatasi masalah penempatan dan keperluan sumber manusia untuk kesihatan;
- d. Menyediakan Pelan Induk Infrastruktur bagi mengatasi masalah kesesakan di hospital;
- e. Memperkasakan individu dan komuniti ke arah penjagaan kesihatan yang lebih baik;

- f. Memperkukuhkan penjagaan domisiliari; dan
- g. Memperkukuhkan keselamatan dan kualiti makanan & persekitaran sihat.

Di samping itu, KKM juga sedang mengkaji semula caj bayaran rawatan warga asing di hospital Kerajaan, di mana mereka akan dikenakan bayaran mengikut kadar kos sebenar seperti mana yang diputuskan semasa Mesyuarat Majlis Ekonomi. Langkah tersebut dijangka akan dapat menjimatkan perbelanjaan perubatan Negara sehingga RM100 juta setahun.

Adalah diharapkan menerusi kesemua langkah tersebut sistem kesihatan di Negara ini akan lebih berdaya saing serta dapat memenuhi keperluan rakyat di Negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG [TELOK INTAN]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6543

SOALAN:

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini bagaimana keberkesanan PDRM dalam menangani kes jenayah berat hasil daripada pewujudan semula undang-undang pencegahan, penubuhan pasukan *Task Force* dan juga kawalan ketat yang dilakukan di sempadan Malaysia - Thailand.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memberikan fokus yang khusus untuk mengurangkan kadar jenayah di bawah “*National Key Result Area*” (NKRA) di bawah inisiatif Mengurangkan Kadar Jenayah. Di samping itu, sebagai tambahan kepada inisiatif tersebut, pihak polis telah menubuhkan pasukan khas untuk menangani masalah jenayah berat dan aktiviti penyeludupan dadah iaitu *Special Task Force On Organised Crime* (STAFOC) dan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) dengan kekuatan seramai 400 orang pegawai dan anggota yang berpengalaman di Bukit Aman. Penubuhan jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembenterasan Jenayah (JPPJ) juga sebagai usaha pihak polis untuk mencegah jenayah secara lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membanteras jenayah.

Dengan langkah-langkah yang dilaksanakan telah menunjukkan kesan yang positif terutama jenayah berat dan jenayah terancang di seluruh negara dapat dibendung dan dikawal.

Statistik perbandingan dalam tempoh kajian untuk jenayah berat bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

**STATISTIK PERBANDINGAN KES JAN - FEB 2014
BERBANDING JAN - FEB 2013**

KES	JAN - FEB 2014	JAN - FEB 2013	+/-	PERATUS (%)
BUNUH	82	88	-6	-6.8
CUBA BUNUH	8	5	3	60
SAMUN BERSENJATA API	12	27	-15	-55.5
JUMLAH	102	120	-18	-15

Perbandingan untuk setengah tahun pertama dan kedua bagi tahun 2013 juga telah menunjukkan kesan yang positif, yang mana jenayah berat telah menunjukkan penurunan bagi tempoh berkenaan seperti berikut:-

**PERBANDINGAN KES JENAYAH BERAT BAGI
JAN - JUN 2013 DAN JULAI - DISEMBER 2013**

KES	JAN - JUN 2013	JULAI - DIS 2013	+/-	PERATUS (%)
BUNUH	319	308	-11	-3.4
CUBA BUNUH	30	23	-7	-23.3
SAMUN BERSENJATA API	88	82	-6	-6.8
JUMLAH	437	413	-24	-5.5

Pihak polis mempercayai dengan langkah-langkah yang diambil serta pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Permeluasan) yang telah diluluskan oleh Parlimen dan juga dengan penubuhan Jabatan baru iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembenterasan Jenayah (JPPJ), masalah jenayah dalam negara untuk masa yang mendatang dapat ditangani dengan lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membenteras jenayah di samping menimbulkan rasa *fear to be caught* kepada penjenayah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]**

TARIKH : **24 MAC 2014 (ISNIN)**

SOALAN : **46**

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah program pemasangan WiFi diberi di kawasan Lachau. Berapakah jumlah WiFi yang telah dipasang di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) telah dilaksanakan di Sarawak yang melibatkan beberapa fasa pelaksanaan. Di Parlimen Sri Aman, sebanyak 37 KTW1M telah beroperasi manakala 4 KTW1M di dalam proses pemasangan. Untuk kawasan Lachau, hanya 1 KTW1M telah didirikan iaitu di Rumah Gani, Lachau Engkabang Baru Pantu yang telah beroperasi sejak penghujung 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]
TARIKH : 24 MAC 2014
SOALAN :

YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pesakit warga asing yang telah dikenal pasti membawa pelbagai penyakit berjangkit ke Malaysia mengikut tahun semenjak tahun 2008 hingga sekarang; dan
- (b) berapakah jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung Kerajaan dalam mengurus isu ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan pemantauan Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap kejadian penyakit berjangkit di kalangan warga asing Malaysia, didapati lima (5) penyakit berjangkit yang utama iaitu secara umumnya adalah penyakit Tuberkulosis (TB), Hepatitis B, malaria, *human immunodeficiency virus (HIV)* dan kusta (leprosy).

Bagi penyakit TB, bilangan kes di kalangan warga asing ialah sebanyak 2,207 kes pada tahun 2008, 2,285 kes pada tahun 2009, 2,541 kes pada tahun 2010, 2,870 kes pada tahun 2011, 3,307 kes pada tahun 2012 dan meningkat kepada 3,426 kes pada tahun 2013.

Bagi kes Hepatitis B, bilangan kes di kalangan warga asing ialah sebanyak 93 kes pada tahun 2008, 90 kes pada tahun 2009, 208 kes pada tahun 2010, 425 kes pada tahun 2011, 1,264 kes pada tahun 2012 dan meningkat kepada 1,194 kes pada tahun 2013.

Bagi kes malaria, bilangan kes di kalangan warga asing ialah sebanyak 2,800 kes pada tahun 2008, 2,420 kes pada tahun 2009, 1,911 kes pada tahun 2010, 1,700 kes pada tahun 2011, 1,345 kes pada tahun 2012 dan sebanyak 1,150 kes pada tahun 2013.

Bagi kes HIV, bilangan kes di kalangan warga asing ialah sebanyak 187 kes pada tahun 2008, 166 kes pada tahun 2009, 298 kes pada tahun 2010, 297 kes pada tahun 2011, 373 kes pada tahun 2012 dan meningkat kepada 299 kes pada tahun 2013.

Bagi kes kusta, bilangan kes di kalangan warga asing ialah sebanyak 88 kes pada tahun 2008, 187 kes pada tahun 2009, 87 kes pada tahun 2010, 94 kes pada tahun 2011, 136 kes pada tahun 2012 dan meningkat kepada 107 kes pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Kesihatan Malaysia, dari tahun 2007 sehingga 31 Julai 2013, jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bagi menanggung tunggakan keseluruhan bayaran bil pesakit warga asing yang menerima rawatan perubatan di hospital-hospital dan fasiliti KKM di Malaysia adalah sebanyak RM104,225,419.28 juta dengan negeri Sabah merupakan negeri tertinggi yang mempunyai tunggakan bil pesakit warganegara asing iaitu sebanyak RM42,894,389.45 juta. Jumlah tunggakan bil di fasiliti KKM oleh warga asing daripada tahun 2007 sehingga Julai 2013 adalah jauh lebih tinggi (RM104,225,419.28) berbanding tunggakan oleh warga tempatan (RM86,546,027.91).

Kebanyakan pesakit warga asing selalunya memberi alasan tidak mempunyai wang untuk membayar deposit atau membayar bil hospital sebaik-baik sahaja mereka didiscaj. Mereka juga menafikan mempunyai waris atau majikan yang boleh menjamin mereka untuk membayar bil tersebut. Dalam pada itu, pihak hospital terpaksa juga memberikan rawatan perubatan yang sewajarnya atas dasar kemanusiaan, di mana semua pesakit yang hadir untuk mendapatkan rawatan di hospital patut diberi rawatan tanpa mengira status sosio-ekonomi mereka. Keadaan ini merupakan faktor utama yang telah menyebabkan berlakunya tunggakan bil di hospital-hospital KKM yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.

Peningkatan kos rawatan terutamanya bagi kes penyakit berjangkit melibatkan peningkatan perbelanjaan negara kerana rawatan bagi penyakit berjangkit ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, KKM mencadangkan supaya pesakit warga asing membayar kos rawatan sebenar apabila mereka mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]

SOALAN :-

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang kekurangan sumber kewangan dan tidak mampu memperoleh kemudahan pinjaman bank untuk memiliki rumah mampu milik.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) boleh membantu dari segi menawarkan golongan berpendapatan rendah tersebut untuk menyewa rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Kadar sewa yang ditetapkan hanyalah RM124 sahaja sebulan. Sehingga 31 Disember 2013, Kementerian ini telah menyiapkan sejumlah 73 projek (67,467 unit rumah) PPR Disewa di seluruh negara bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah ini menghuni rumah yang selesa.

Bagi golongan berpendapatan rendah yang mempunyai tanah sendiri dan tidak mampu memperoleh kemudahan pinjaman bank, mereka boleh memohon pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN). Pinjaman yang ditawarkan adalah sebanyak RM45,000 dengan tempoh pembayaran balik pinjaman selama 30 tahun. Sehingga 31 Disember 2013, JPN telah meluluskan

sejumlah 8,425 permohonan pinjaman SPP kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah di atas tanah sendiri.

Bahagian Skim Pinjaman Perumahan, Jabatan Perumahan Negara menawarkan pinjaman bercagar dengan kadar faedah rendah 2% setahun kepada golongan berpendapatan rendah iaitu pendapatan isi rumah di antara RM 750 – RM 2,500 untuk membina rumah di atas tanah sendiri dengan had pinjaman maksima sehingga RM 45,000.00.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN (KAMPAR)

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN : 49

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a) bilangan motokar di jalan raya dan peratusan motokar ini yang lebih tua daripada 10 tahun, 20 tahun, dan 30 tahun bagi tempoh 5 tahun yang lepas; dan
- b) peratusan kemalangan yang melibatkan motokar yang lebih tua daripada 10 tahun, 20 tahun dan 30 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan motokar (kereta) di jalan raya yang berusia di antara 10 hingga 30 tahun bagi tempoh 5 tahun yang lepas dan peratusannya adalah seperti berikut:

USIA KENDERAAN (TAHUN)	TAHUN									
	2009	%	2010	%	2011	%	2012	%	2013	%
10	294,942	8.6	358,632	9.7	421,985	10.5	445,776	10.2	443,917	9.4
11 hingga 20	2,161,187	63.2	2,331,918	62.9	2,514,073	62.4	2,740,336	62.8	3,037,787	64.6
21 hingga 30	965,651	28.2	1,014,093	27.4	1,089,395	27.1	1,176,622	27	1,218,324	26
JUMLAH	3,421,780	100	3,704,643	100	4,025,453	100	4,362,734	100	4,700,028	100

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod yang diperolehi daripada MROADS (*MIROS Road Accident Analysis & Database System*), terdapat 642,157 buah kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, hanya 477,637 buah kenderaan yang mempunyai rekod tahun dibuat (*vehicle made-year*) di mana 73.53% atau 351,187 buah adalah merupakan kenderaan jenis motokar (kereta). Perinciannya adalah seperti berikut:

	0-5	6-10	11-15	16-20	21-25	26-30	Jumlah
Bilangan	333,180	9,784	5,161	2,042	696	324	351,187
(%)	94.87%	2.79%	1.47%	0.58%	0.20%	0.09%	100%

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan penambahbaikan terhadap perkhidmatan KTM ke Pantai Timur. Apakah hasil kajian terhadap penggunaan jambatan keretapi di seluruh negara, apakah jaminan keselamatannya serta berapa tahun tempoh jangkaan keselamatannya untuk masa depan penggunaannya akan datang.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Cadangan penambahbaikan terhadap perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ke Pantai Timur adalah dengan mempertingkatkan kualiti perjalanan tren Perkhidmatan Antarabandar di sektor Pantai Timur melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih selesa dan selamat kepada para penumpang.
2. Antara rancangan yang ingin dilaksanakan adalah:
 - (a) Penyediaan koc-koc penumpang (tempat duduk dan tempat tidur) yang lebih selesa dan dilengkapi dengan kemudahan yang dipertingkatkan. Pihak KTMB merancang kerja-kerja menaiktaraf sebanyak 76 koc penumpang dan pembaikan 20 koc generator;
 - (b) Menyediakan tempoh masa perjalanan tren yang lebih singkat dan kompetitif berbanding mod pengangkutan awam lain.
 - (c) Semua perkhidmatan yang disediakan akan dikendalikan oleh kakitangan yang terlatih dalam aspek layanan pelanggan dan operasi tren; dan

- (d) Mempertingkatkan perkhidmatan penyediaan makanan di atas tren dengan konsep yang lebih baru dan berkualiti.

3. Sehingga kini terdapat 916 buah jambatan keretapi di seluruh rangkaian KTMB dan kesemuanya adalah masih selamat untuk digunakan untuk operasi tren. Pemeriksaan dan penyelenggaraan jambatan telah dijalankan secara berkala oleh KTMB bagi memastikan keselamatan penggunaan jambatan terjamin.

4. Berdasarkan kepada keadaan struktur jambatan sedia ada dan pemeriksaan serta penyelenggaraan jambatan yang telah dijalankan secara berkala, KTMB menjangkakan tempoh jangka hayat bagi jambatan sedia ada adalah selama 30 tahun daripada tempoh masa sekarang. Ini juga dengan mengambil kira setiap jambatan yang direkabentuk adalah dibina untuk dapat digunakan sehingga 50 tahun.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan di Sabah terdiri daripada Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Untuk Jalan Persekutuan peruntukan disalurkan menerusi peruntukan kementerian ini manakala Jalan Negeri pula, peruntukan disalurkan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pusat menerusi geran peruntukan MARRIS setiap tahun berasaskan kepada jarak kilometer jalan negeri.

Pada masa kini terdapat 1428 km Jalan Persekutuan di Negeri Sabah yang kini diselenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Manakala jalan negeri pula adalah sepanjang 20,900 km yang diselenggara oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Waran peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan akan disalurkan kepada JKR Negeri Sabah pada setiap bulan berdasarkan kepada kadar harga yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk peruntukan untuk kerja-kerja kecemasan seperti kes tanah runtuh di jalan persekutuan di mana ia menggunakan peruntukan kecemasan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi jalan ini dipantau oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan ia tertakluk kepada senarai keutamaan yang akan ditentukan oleh JKR Negeri Sabah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6544

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada NGO Majlis Jemaah Islam dalam perhimpunan untuk menampar seorang wanita, Teresa Kok telah memberi notis 10 hari sebelum perhimpunan tersebut dan jika ia, di mana ianya diberikan dan di mana buktinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perhimpunan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang diadakan berhampiran Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur merupakan satu perhimpunan yang tidak dirancang yang diadakan untuk membantah penghinaan terhadap Kepimpinan Melayu, Yang Dipertuan Agong dan Agama Islam serta maruah bangsa Melayu.

Tawaran untuk menampar YB Teresa Kok telah dibuat oleh saudara Mustafa Hamzah yang merupakan pengacara majlis perhimpunan tersebut dari Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

Di dalam perhimpunan ini tidak ada notis dikeluarkan oleh KPD Dang Wangi kerana perhimpunan ini diadakan secara tidak dirancang dan tidak ada permohonan dari PPIM untuk mengadakan perhimpunan tersebut. Pihak polis menjalankan siasatan ke atas perhimpunan tersebut di bawah Sek. 9 (5) APA 2012. Kertas siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya apabila telah lengkap.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Rozman bin Isli
[Labuan]**

TARIKH : 24 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 53

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah perancangan untuk meningkatkan kapasiti Pelabuhan Labuan di masa terdekat ini. Ini kerana, Pelabuhan Labuan pada masa ini mempunyai kapasiti yang sangat rendah dibandingkan dengan permintaan terutamanya daripada industri minyak dan gas yang sebenarnya adalah 80 peratus pengguna perkhidmatan pelabuhan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Dermaga Merdeka atau Pelabuhan Labuan dengan keluasan hanya 5 ekar, tidak dapat memenuhi keperluan Labuan pada masa hadapan. Pengoperasian pelabuhan ini yang terletak di bandar Labuan sering kali menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menerima cadangan daripada pihak swasta bagi membangunkan sebuah pelabuhan di tapak milik Kerajaan di Ranca-Ranca dan cadangan tersebut sedang diteliti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [BAYAN BARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini rancangan penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang. Bilakah perjanjian akan ditandatangani. Apakah rasional penswastaaan ini dijalankan dan apakah kebaikan dan keuntungan kepada Kerajaan dan orang Pulau Pinang.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat, bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkenaan. Perolehan ini telah dibuat secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin).

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) Penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.

Antara obligasi syarikat adalah melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat terpaksa menanggung kerugian kira-kira

RM16 juta pada setiap tahun. Selain itu, syarikat juga perlu mengambil alih beban hutang PPSB melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama (*capital dredging* – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Setakat ini, syarikat telah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan bagi pemilikan ekuiti di dalam PPSB pada 19 November 2013. Pada masa ini, proses *transfer of shares* (dengan izin) sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]**

TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN :

YB. Tuan Nga Kor Ming minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah bilangan pelancong luar Negara yang datang melawat Malaysia mengikut negara masing-masing dari 2010 hingga 2014 serta cara dan kos terlibat untuk mempromosikan industri pelancongan negara tahun ini.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah menerima sejumlah **24.6 juta** pelancong asing pada tahun 2010, **24.7 juta** pelancong asing pada tahun 2011, **25 juta** pelancong pada tahun 2012 dan **25.7 juta** pelancong asing pada tahun 2013.

Bagi tahun 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mensasarkan sejumlah **28 juta** pelancong asing dan pendapatan pelancongan sejumlah **RM 76 bilion**.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) telah dan sedang mengadakan beberapa strategi promosi di luar negara dan dalam negara seperti berikut:-

- (i) Mempromosikan 'Tahun Melawat Malaysia 2014' agar lebih ramai pelancong dapat berkunjung ke Malaysia pada tahun ini.
- (ii) Misi Jualan ke pasaran-pasaran utama dan pasaran baru bagi meningkatkan visibiliti dan kesedaran mengenai Malaysia.
- (iii) Penyertaan berterusan di Pameran & Expo Pelancongan Antarabangsa Utama bersama-sama dengan pengiat industri pelancongan Malaysia, kerajaan negeri dan syarikat penerbangan dalam International Tourisma Boursa' (ITB) di Berlin, Arabian Travel Market (ATM) di Dubai, World Travel Mart (WTM) di

London, Japan Association of Travel Agents Tourism Forum & Travel Showcase (JATA) di Jepun, Korea World Travel Fair (KOFTA) di Seoul, South Asia Travel & Tourism Exhibition di India dan lain-lain pameran bertaraf antarabangsa di luar negara.

- (iv) Meningkatkan kesedaran mengenai Malaysia dan Tahun Melawat Malaysia 2014 melalui promosi konsumer seperti Promosi Makanan dan Kebudayaan dengan pihak hotel dan pusat membeli belah utama di luar negara.
- (v) Menyertai pameran dan ekspo produk-produk pelancongan '*niche*' seperti 'Ecotourism', 'Parks & Garden', 'Spa & Wellnes', Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dan program 'Homestay'.
- (vi) Menggalakan kolaborasi dan usahasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan dan lain-lain dalam aktiviti yang menjurus kepada usaha meningkatkan tahap kesedaran dan penjualan pakej-pakej percutian ke Malaysia secara terus kepada konsumer seperti promosi 'Malaysia Travel Fair' di peringkat global serta kempen taktikal di semua pasaran bagi menyokong kempen pengiklanan Tourism Malaysia.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) telah diperuntukan sebanyak RM309.06 juta untuk mengendali kos promosi negara pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6545

SOALAN:

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini siasatan kes tembakan maut oleh anggota Polis Diraja Malaysia terhadap seorang awam di Machap Umboo, Melaka pada 7 Februari 2014 termasuk kemungkinan anggota berkenaan digantung tugas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Siasatan telah dibuka berkait Machap Baru Repot 88/2014, di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku apabila seorang lelaki Cina yang cuba menyerang pihak polis semasa cuba ditangkap kerana telah menyerang dan mengugut seorang lelaki dengan menggunakan senjata pisau dan parang. Pihak polis telah melepaskan satu das tembakan dan terkena bahagian perut setelah cuba dipujuk agar menyerah diri. Mangsa telah meninggal dunia semasa pembedahan mengeluarkan peluru.

***Post Mortem* telah dijalankan dan sebab kematian adalah akibat kecederaan terkena tembakan di bahagian abdomen. Kertas siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya.**

NO. SOALAN: 57

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah JAKIM telah membangunkan satu standard untuk analisa dan pengesahan (verification) status halal untuk vaksin produk farmaseutikal secara terperinci memandangkan terdapat banyak vaksin dan produk farmaseutikal yang diimport memerlukan status halal bagi kegunaan umat Islam di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia **telah membangunkan Standard**

Halal Malaysia untuk produk farmaseutikal yang dikenali dengan MS2424:2012: Halal Pharmaceuticals-General Guidelines.

Berdasarkan standard berkenaan, JAKIM telah memulakan skim pensijilan halal bagi produk farmaseutikal mulai 4 Oktober 2012. Permohonan berkaitan farmaseutikal yang diberikan pensijilan halal sebelum pelancaran MS2424:2012 adalah diproses menggunakan MS1500:2009 di mana standard tersebut merangkumi makanan tambahan dan produk herba tradisional. Standard yang dibangunkan adalah hasil kerjasama ahli jawatankuasa yang dilantik daripada agensi kerajaan dan swasta. Standard ini juga merupakan garis panduan pertama mengenai farmaseutikal halal di dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua produk farmaseutikal termasuk vaksin dari luar negara perlu mendapat **kelulusan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK)** terlebih dahulu sebelum di pasarkan di Malaysia. Ini bertujuan memastikan produk yang diimport adalah selamat, berkesan dan berkualiti. Justeru, sekiranya produk-produk tersebut telah mendapat kelulusan daripada BPFK, maka permohonan halal boleh dikemukakan kepada JAKIM/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Bagi produk yang telah disahkan halal oleh **Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf JAKIM**, kelulusan BPFK perlu diperolehi terlebih dahulu dan logo halal badan pensijilan tersebut boleh digunakan serta tidak perlu mendapat pengesahan halal daripada negara Malaysia.

Justeru, industri farmaseutikal boleh memohon pensijilan halal bagi kategori produk-produk farmaseutikal di bawah kategori *Over The Counter (OTC)*, *Health Supplement* dan *Traditional Media*. Manakala ubatan dibawah prekripsi doktor tidak diberi pensijilan halal melalui standard tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI
BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

**TARIKH : 24.03.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah ada perancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu akta yang mewajibkan penduduk Malaysia khususnya lelaki, untuk menyertai pasukan tentera selama sekurang-kurangnya 1 tahun agar kecintaan kepada negara kita Malaysia dapat dipertingkatkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada perancangan untuk mewujudkan satu akta yang mewajibkan penduduk Malaysia khususnya lelaki, untuk menyertai pasukan tentera selama sekurang-kurangnya 1 tahun yang bermiripkan kerahan tenaga. Sebaliknya pihak Kerajaan telah mewujudkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003 yang mempunyai tujuan dan matlamat yang sama iaitu untuk mempertingkatkan kecintaan kepada Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6546

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah operasi dan jumlah jam sekatan jalan raya yang telah dibuat sepanjang 2011, 2012 dan 2013 di daerah Bachok. Nyatakan hasil yang diperolehi melalui sekatan jalan raya. Apakah peraturan yang ditetapkan dalam melakukan sesuatu sekatan jalan raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sekatan Jalanraya (*Road Block*) merupakan satu keperluan untuk menjaga dan memelihara undang-undang atau menghalang atau mengesan jenayah. Undang-undang telah memberikan kuasa kepada pihak polis untuk mendirikan sekatan jalanraya di bawah Akta Polis 1967, mengikut Seksyen 26 akta berkenaan.

Panduan Sekatan Jalanraya (*Road Block*) diperjelaskan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara A113. Dalam perintah tersebut menyebut aspek keselamatan dan keselesaan kepada pengguna jalanraya hendaklah diberi keutamaan. Dalam keadaan biasa, sekatan jalan raya tidak boleh didirikan di kawasan yang berselekeh, menurun bukit, kawasan gelap dan juga di jalan-jalan yang boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas kecuali atas keadaan yang amat terdesak.

Bagi Daerah Bachok, jumlah operasi yang dijalankan melalui sekatan jalanraya bagi tahun 2011, 2012 dan tahun 2013 seperti berikut:-

OPERASI	TAHUN		
	2011	2012	2013
Ops Lejang	47	61	58
Ops Ramadhan	10	10	10
Ops Dadu	15	22	39
Ops Noda	-	-	4
Ops Api	-	-	12
Ops Pintu/kesan	53	40	62
Ops Lusuh	2	4	3
Ops Cantas	-	-	238
Ops Ambang merdeka	3	4	7
Ops Narkotik	45	48	-
JUMLAH	175	189	433

**Pada tahun 2013, Ops Narkotik telah dijalankan bersekali dengan Ops Cantas Khas.*

Kejayaan yang diperoleh semasa sekatan jalanraya diadakan bagi daerah Bachok adalah seperti berikut:-

Tahun	2011	2012	2013
Tangkapan	10	7	4
Saman kenderaan	5941	4571	5201

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN :

DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan natijah perundangan yang akan berlaku jika proses persempadanan semula kawasan pilihan raya tidak dapat diselesaikan pada tahun 2014.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri yang terakhir bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Sehubungan dengannya, tempoh lat lapan (8) tahun seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 113 (2) Perenggan (ii) Perlembagaan Persekutuan sepatutnya berakhir pada 21 Mac 2011 dan tarikh bermulanya kajian semula itu akan dikira dari tarikh tersiarnya notis yang akan diwartakan menurut Seksyen 4 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Namun pada pertengahan tahun 2011, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah membuat keputusan berdasarkan Perkara 113 (2) Perenggan (i) Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah dimulakan secara rasmi selepas Pilihan Raya Umum Ke – 13.

Bagi Negeri Sarawak, kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan berdasarkan peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak hanya boleh dilaksanakan selepas 10 Jun 2013, iaitu selepas cukup tempoh lat lapan (8) tahun selepas siapnya urusan kajian semula persempadanan sebelum ini.

Dalam melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri pada kali ini, SPR telah membuat keputusan untuk menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya secara serentak bagi semua Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Urusan kajian semula ini hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua (2) tahun dari tarikh bermulanya kajian semula tersebut.

Perkara 113 (10) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa tarikh siapnya sesuatu kajian semula di bawah Fasal (2) atau Fasal (3A) ialah tarikh laporan dikemukakan kepada Perdana Menteri di bawah Seksyen 8 Jadual Ketiga Belas dan notis mengenai tarikh itu hendaklah disiarkan dalam Warta oleh SPR.

Sehubungan itu, tiada natijah perundangan akan berlaku jika proses persempadanan semula kawasan pilihan raya tidak dapat diselesaikan pada tahun 2014 kerana tempoh 2 tahun itu masih belum bermula.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN :-

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan alasan mengapa insinerator yang dibina di Langkawi, Tioman, Pangkor dan Cameron Highlands masih belum beroperasi sepenuhnya sehingga sekarang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, loji insinerator di Pulau Pangkor telah beroperasi pada 4 April 2012, manakala insinerator di Pulau Langkawi telah beroperasi pada 7 Januari 2014.

Bagi loji insinerator Cameron Highlands, operator telah dilantik pada 31 Disember 2013. Loji masih belum beroperasi dengan sepenuhnya kerana pihak operator yang dilantik Kerajaan sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan seperti penggantian minyak hidraulik dan gas bagi sistem *Continuous Environmental Monitoring System* (CEMS). Loji dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada awal bulan April 2014.

Manakala pelantikan operator bagi loji insinerator Pulau Tioman masih di dalam peringkat rundingan harga. Rundingan harga dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung bulan Mac 2014 dan operator dijangka dapat dilantik selewat-lewatnya pada bulan Mei 2014.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6547

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) berapa jumlah dadah dalam nilai RM yang dirampas pada tahun 2012 dan pada tahun 2013. Jika ada peningkatan, apakah sebab peningkatan tersebut terjadi; dan
- (b) daripada semua dadah yang dirampas berapa peratus yang dimusnahkan dan bagaimana kaedah dadah tersebut dimusnahkan. Jika ada yang disimpan, kenapa ianya disimpan dan di mana dadah-dadah ini disimpan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), peningkatan kepada jumlah rampasan dadah adalah disebabkan munculnya jenis dadah yang baru yang berbentuk sintetik seperti syabu, yaba, pil ecstasy, erimin 5 dan sebagainya. Dadah yang tradisional seperti candu dan ganja telah berkurangan dan tidak lagi menjadi pilihan penagih dan sukar diperolehi di pasaran gelap. Di samping itu, peningkatan jumlah tangkapan dan rampasan dadah juga disebabkan PDRM telah meningkatkan penguatkuasaan melalui operasi yang dijalankan dan juga meningkatkan kerjasama secara perkongsian maklumat dengan agensi berkaitan penyeludupan dadah di dalam dan luar negara.

Statistik jumlah rampasan dadah bagi tahun 2012 dan 2014 (Januari) seperti berikut:-

TAHUN		2011	2012	2013	2014 (JAN)
JENIS DADAH					
CANDU MENTAH	KG	0.73	9.51	0.005	0.000
CANDU MASAK	KG	0.12	2.87	0.30	0.00
HEROIN BASE	KG	56.11	0.18	37.08	0.00
HEROIN NO. 3	KG	445.13	362.67	638.61	39.94
HEROIN NO. 4	KG	34.94	47.35	87.42	8.86
GANJA	KG	796.05	751.80	539.30	24.09
KOKAIN	KG	3.52	5.99	7.98	2.79

SYABU KRISTAL	KG	830.29	608.67	1,245.63	14.55
SYABU CECAIR	KG	122.60	27.96	79.69	0.00
KETAMIN	KG	106.75	118.07	139.23	15.43
SERBUK ECSTASY	KG	26.53	457.36	674.62	21.25
PIL ECSTASY	KG	0.00	220.72	6.92	0.00
YABA	KG	0.37	0.39	0.58	0.00
ERIMIN 5	KG	1.45	1.42	0.42	0.01
PIL PSIKOTROPIK	KG	15.50	0.11	0.03	0.01
DAUN MITRAGYNINE (KETUM)	KG	2,881.51	5,218.14	7,866.30	704.31
JUMLAH KG		5,321.61	7,833.21	11,324.13	831.23
PIL ECSTASY	BIJI	47,761	634,573	335,984	9,468
YABA	BIJI	364,879	521,384	524,966	12,916
PIL NOSPAN	BIJI	2,160	15,806	71	613
ERIMIN 5	BIJI	87,012	5,175,069	177,916	3,716
PIL PSIKOTROPIK	BIJI	33,625	839,717	85,772	3,701
KODEIN	BIJI	349	10	62	0
JUMLAH BIJI		535,786	7,186,558	1,124,771	30,414
KOKAIN	LITER	0.00	157.00	0.00	0.00
SYABU CECAIR	LITER	74.41	64.16	84.80	0.00
KODEIN	LITER	3,463.84	5,571.64	5,767.88	102.51
AIR MITRAGYNINE (KETUM)	LITER	89,967.32	34,719.56	36,865.02	1,864.77
MDMA	LITER	235.85	0.00	0.00	0.00
JUMLAH LITER		93,741.42	40,512.36	42,717.69	1,967.28
POKOK GANJA	POKOK	5	5	6	39
KAFIEN	KG	0.41	701.99	965.58	0.00
NILAI RAMPASAN		RM243.32 JUTA	RM381.09 JUTA	RM 402.73 JUTA	RM 10.44 JUTA

Bagi menjawab soalan (b), sesuatu rampasan dadah dan barang kes dadah hanya akan dimusnahkan setelah kes selesai bicara di mahkamah dan atas arahan mahkamah mengikut seksyen 406A atau 407A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

Kaedah pelupusan dadah adalah mengikut Perintah Tetap Ketua Polis Negara D207 di mana Ketua Polis Negeri di mana rampasan dadah itu berlaku akan memberikan kelulusan untuk memusnahkan dadah berkenaan. Dalam proses pemusnahan dadah tersebut mesti dihadiri oleh seorang pegawai kanan polis yang berpangkat sekurang-kurangnya Superitenden dan ke atas bersama (2) saksi daripada daerah di mana ekhhibit itu berada. Pegawai ini akan menandakan ekhhibit sebelum ekhhibit itu dimusnahkan dan menandatangani Sijil Musnah bagi setiap ekhhibit yang dimusnahkan.

Jika ada rayuan ke atas keputusan mahkamah sama ada oleh tertuduh atau pendakwaraya dan dalam semua kes Sek.39B ADB 1952 barang kes itu akan disimpan selamat sehingga rayuan akhir kes itu selesai kerana ekhhibit diperlukan oleh mahkamah atas semua rayuan.

Ia akan disimpan oleh pihak mahkamah sendiri jika dikemukakan sebagai ekhhibit atau akan disimpan di Stor PDRM di daerah di mana kes itu berlaku.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2014

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah hutang dan pinjaman (termasuk bon) 1MDB sehingga 1 Januari 2014 dan untuk menerbitkan butiran-butiran hutang dan pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana dilaporkan dalam penyata tahunan berakhir 31 Mac 2012 yang telah difailkan

dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), hutang terkumpul 1MDB pada penghujung tahun 2012 adalah sebanyak RM7.9 bilion. 1MDB kini dalam proses menyediakan penyata tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013.

1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh SSM iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

1MDB telah memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya dengan baik. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang baik di samping mempunyai peluang pertumbuhan yang utuh seperti aset *Independent Power Producers* (IPP) dan aset hartanah strategiknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya bon dan pinjaman

1MDB sebanyak RM5.8 bilion sahaja yang menerima jaminan eksplisit daripada Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan daripada Kerajaan bagi bon atau pinjaman yang lain.

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk meneroka peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang sedang dijalankan 1MDB adalah seperti berikut:

i. Tun Razak Exchange

Tun Razak Exchange direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, sebagai contoh, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, yang dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang tahun 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi

untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya global.

ii. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur Kepada Bandar Malaysia

Bandar Malaysia adalah satu projek pembangunan bersepadu untuk memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Sebahagian daripada projek ini diperuntukkan untuk Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

iii. Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga merupakan salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jimah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan

dalam jangka panjang.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam-swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam Dasar Tenaga Baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan Balai Bomba di Negeri Sabah dan benarkah negeri Perak mempunyai lebih banyak balai bomba berbanding negeri Sabah; dan
- (b) tidak adakah sebarang usaha untuk menambah bilangan anggota bomba dan balai bomba di negeri Sabah ini dalam masa yang terdekat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Balai Bomba di negeri Sabah adalah sebanyak 21 buah balai. Manakala di negeri Perak bilangan balainya adalah sebanyak 30 buah. Perbezaan ini adalah disebabkan beberapa faktor yang menentukan keperluan balai iaitu antaranya tahap risiko kemerbahayaan, bilangan penduduk, keperluan strategik dan sosio-politik sesuatu kawasan.

Sehingga 28 Februari 2014, bilangan anggota bomba di negeri Sabah adalah sebanyak 819 orang. Jika dibandingkan dengan waran perjawatan yang diluluskan pada tahun 2013 iaitu 834 perjawatan, bilangan peratusan perjawatan yang telah diisi adalah 98.2%. Pengisian perjawatan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan perjawatan yang telah diluluskan.

Pada tahun 2014, pihak Kementerian akan melaksanakan pembinaan 2 buah balai di Beluran dan Kimanis. Pembinaan 2 buah balai ini akan

memperkukuhkan perlindungan kebakaran di daerah berkenaan khususnya dan negeri Sabah amnya. Kos pembinaan bagi Balai Bomba Beluran adalah sebanyak tujuh (7) juta dan Balai Bomba Kimanis melibatkan kos sebanyak lima (5) juta. Kedua-duanya adalah balai gred D.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6548

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tindakan polis yang telah diambil terhadap mereka yang mencetuskan kebencian, konflik dan ketegangan kaum dan agama dengan tujuan mewujudkan ketidakharmonian dan permusuhan antara kaum dan antara agama, dan mengapakah nampaknya sesetengah orang berkenaan menikmati kekebalan dan kebebasan untuk melakukan hasutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius berhubung isu-isu yang sengaja dibawa oleh pihak-pihak tertentu yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Ini termasuklah perkara-perkara yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hubungan ini, tindakan tegas di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 boleh diambil terhadap mereka yang terlibat sekiranya terbukti bersalah.

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah mengamalkan “*double standard*” dengan izin Yang di-Pertua, di dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana orang perseorangan, kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang cuba menggugat ketenteraman awam dan mencetuskan isu perkauman atau agama yang boleh membawa kepada perpecahan kaum dan perbalahan di antara agama di Malaysia. Namun, setiap siasatan oleh pihak polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang dan semua laporan yang dibuat akan disiasat dengan teliti. Tindakan pula akan hanya diambil sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut benar-benar melanggar undang-undang sedia ada. Di samping itu, pihak polis juga sentiasa melakukan pemantauan dan risikan ke atas sebarang aktiviti yang boleh mendatangkan ketegangan kaum dan perbalahan di antara agama.

NO. SOALAN: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah impak isu Syiah yang dihangat-hangatkan oleh Kerajaan kepada projek PETRONAS di Iraq dan negara-negara Arab lain

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang tahun 2013 hingga kini, PETRONAS tidak pernah mengalami apa-apa impak terhadap operasinya di Iraq dan juga negara-negara Arab yang lain berikutan dari isu syiah yang dibangkitkan di Malaysia. Ini adalah berikutan dari amalan PETRONAS yang mementingkan amalan pembentukan suasana kerja yang selamat dan berharmoni, di mana budaya hormat menghormati dan saling memahami diantara para pekerjanya bersama penduduk tempatan amat diutamakan serta tidak bertoleransi terhadap sebarang bentuk diskriminasi di tempat kerja sama ada dari sudut perkauman, kewarganegaraan mahupun pegangan agama dan kepercayaan seseorang itu.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6549

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki kedudukan kebebasan akhbar Malaysia di tangga ke-147 daripada 180 di Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sememangnya mengamalkan dasar terbuka, liberal dan bertanggungjawab bagi menjamin kebebasan dan liberalisasi akhbar di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk.

Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk bersuara dan mengeluarkan pendapat, termasuk kebebasan akhbar. Semua individu termasuk kumpulan minoriti mempunyai hak terhadap kebebasan bersuara, tetapi hak ini sewajarnya diseimbangkan dengan hak majoriti rakyat keseluruhannya. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, agama dan budaya dan masing-masing mempunyai sensitiviti yang tersendiri, maka hak individu ini sewajarnya diiringi dengan tanggungjawab bagi memastikan tidak timbul kekacauan dan gangguan keselamatan sehingga menimbulkan ketidakstabilan politik, sosial dan ekonomi.

Kementerian mempunyai tanggungjawab bagi memastikan media cetak tidak mengandungi unsur-unsur yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat. Kita perlu sedar bahawa sekiranya kriteria atau ukuran yang digunapakai adalah berdasarkan kebebasan

mutlak yang wujud di negara barat, maka ianya adalah bercanggah dengan sistem nilai dan budaya masyarakat negara ini.

Petunjuk-petunjuk yang telah digunakan untuk mengukur atau menilai sama ada sesebuah negara itu mengamalkan kebebasan akhbar (media) oleh *Reporters Without Borders* adalah tidak adil dan tepat serta tidak merujuk kepada situasi sebenar di negara ini. Analisis telah dibuat dengan merujuk kes-kes yang tidak tepat dan tanpa maklumat yang menyeluruh. Kewujudan perundangan tidak bermakna Kerajaan mengekang kebebasan akhbar tetapi hanyalah sebagai satu mekanisme untuk memantau kandungan media agar tidak memudaratkan ketenteraman awam, kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

Kerajaan akan terus memegang prinsip bahawa wartawan mahupun pengamal media bebas menulis dan melaporkan berita, tetapi perlulah mempunyai tahap kebertanggungjawaban yang tinggi, beretika dan bersikap objektif. Mereka tidak seharusnya membelakangkan kepentingan masyarakat, rakyat dan negara, serta mengganggu-gugat perpaduan, kesejahteraan masyarakat dan keselamatan negara.

Beberapa cadangan penambahbaikan terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 2012), terutamanya yang melibatkan elemen *right to be heard* sebelum keputusan untuk menggantung atau membatalkan lesen atau permit penerbitan telah dilaksanakan. Pindaan ini juga melibatkan pemberian Lesen Mesin Cetak dan Permit Penerbitan secara “one-off” dan pemegang lesen dan permit tidak

perlu memperbaharui lesen dan permit mereka secara tahunan. Di samping itu, pihak yang tidak berpuashati terhadap keputusan Menteri bagi menolak, menggantung dan membatalkan lesen mesin cetak dan permit penerbitan boleh dibentangkan ke mahkamah untuk semakan kehakiman. Hasilnya cadangan pindaan telah diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan pada tahun 2012.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara turut mengkaji dan meneliti bagi penubuhan suatu badan penapisan sendiri (*self regulatory*) iaitu Majlis Media yang akan mengawalselia laporan berita di kalangan pengamal media tanpa campur tangan daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak pengamal media tidak mengemukakan apa-apa cadangan balas selepas perbincangan (*engagement*) diadakan pada tahun 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6550

SOALAN:

TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa bilangan orang asing ditahan atau didakwa di Malaysia terhadap sekatan perdagangan Amerika Syarikat terhadap Iran. Apakah tindakan Kerajaan untuk permintaan menyerahkan semua suspek yang dikehendaki Amerika Syarikat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Malaysia telah menerima sebanyak tiga (3) permintaan dari Amerika Syarikat bagi pemulangan penjenayah buruan yang melarikan diri ke Malaysia bagi kesalahan berkaitan sekatan perdagangan Amerika Syarikat terhadap Iran. Daripada jumlah tersebut, satu (1) kes telah selesai di mana subjek telah dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan manakala dua (2) kes lagi masih dalam prosiding di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Tindakan Kerajaan Malaysia terhadap permintaan ekstradisi ini adalah berdasarkan kepada Akta Ekstradisi 1992 serta triti ekstradisi yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 3 Ogos 1995.

Dalam hal ini, subjek bagi permintaan ekstradisi yang diterima tidak semestinya akan diserahkan kepada negara yang meminta, sebaliknya setiap permintaan mestilah memenuhi kehendak Akta Ekstradisi 1992 dan triti ekstradisi berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 24 MARCH 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) cara mana Malaysia Biomass Initiative melalui MYBiomass dapat meningkatkan faedah atau keuntungan pengeluaran barangan teknologi hijau yang akan melonjakkan negara ke tahap berpendapatan tinggi; dan
- (b) apakah projek-projek yang telah terlaksana dan dirancang serta jumlah pelaburan untuk mencapai matlamat ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Soalan (a)

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysian Biomass Initiative(MBI) melalui MYBiomass dapat meningkatkan faedah atau keuntungan pengeluaran barangan teknologi hijau dalam melonjakkan negara ke tahap berpendapatan tinggi. Faedah-faedahnya adalah seperti berikut:

1. Merasionalisasikan MBI melalui landskap biomas di Malaysia:

- Malaysian Biomass Initiative (MBI) merupakan usaha julung kali diutarakan (yang bermula sejak 2011) bagi mengoptimumkan penggunaan biomas untuk menghasilkan bahan kimia hijau yang bernilai tinggi.
- Untuk makluman, bahan kimia hijau adalah bahan kimia berasaskan sumber diperbaharui dan mampu menggantikan produk berasaskan fosil sekaligus mengurangkan karbon dioksida. (Co2 anthropogenic).
- Malaysia menjana kira-kira 8 peratus (RM 50 bilion) daripada PNK dalam sektor minyak sawit dan ia merupakan sektor yang menjana biomas terbesar. Ini dianggarkan 80 juta *tan kering* pada tahun 2012 dan dijangka akan meningkat kepada kira-kira 100 juta *tan kering* menjelang 2020.
- Sebahagian besar daripada biomas kelapa sawit ini dikembalikan ke ladang kelapa sawit sebagai nutrien dan

menambah-baik tanah. Selain daripada itu, ia juga digunakan sebagai pengeluaran produk kayu, pelet, makanan haiwan, dan tenaga yang boleh diperbaharui.

- Penggunaan biomas yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya memberi peluang untuk ianya digunakan bagi produk yang bernilai tinggi. Kepesatan teknologi membolehkan matlamat ini dicapai.
- Justeru itu, MBI telah dirangka khas untuk membangunkan 'supply chain' biomas supaya ianya dapat digunakan untuk menghasilkan bahan kimia hijau. Faedah MBI ini bertujuan untuk menyediakan ekosistem yang sesuai. Ini termasuklah pelaksanaan model yang unik di mana pihak kerajaan, industri, institusi penyelidikan tinggi, universiti, dan institusi tenaga mahir mengembleng tenaga untuk merealisasikan inisiatif ini.

2. Meningkatkan pengeluaran bahan kimia hijau untuk Malaysia:

- Penubuhan MYBiomass sebagai *Special Purpose Vehicle* (SPV) untuk MBI merupakan model Kerjasama Awam-Swasta (PPP). MIGHT bersama dengan dua konglomerat perladangan terbesar di Malaysia berganding bahu untuk melaksanakan projek MYBiomass. Sebagai perintis pengeluaran bahan kimia hijau bernilai tinggi, MYBiomass merupakan satu entiti swasta bertunjangkan industri.
- MYBiomass mendekatkan jurang dalam 'value chain' (rantai nilai) dan ini sekaligus menstabilkan 'supply chain' (rantai bekalan). Tambahan lagi, ia juga membantu dalam memulakan pembinaan infrastruktur yang kritikal bagi pembangunan industri teknologi hijau seumpama ini.
- Sepertimana yang kita sedia maklum, keperluan pasaran dunia adalah menjurus ke arah industri Hijau, Kemapanan dan Boleh

Diperbaharui. Seandainya kita tidak mengambil langkah untuk membawa sumber material Diperbaharui dalam produk, maka kita berkemungkinan akan hilang daya-saing pada masa akan datang disebabkan permintaan global yang tinggi. Dengan ini, ia akan mewujudkan jurang pasaran bagi menembusi pasaran. Projek seumpama ini bukan sahaja menjadi sumber ekonomi baru dan pengeluaran produk hijau. Malahan ia akan meningkatkan imej negara dalam pembangunan mapan.

3. Menggerakkan negara ini ke tahap berpendapatan tinggi:

- Buat masa ini biomas digunakan untuk menghasilkan bahan kompos, makanan haiwan, bahan api di mana nilainya lebih kurang antara RM 100 hingga RM 400 setiap tan. Dengan menggunakan sumber yang sama, MYBiomass berhasrat untuk menukar kepada bahan kimia hijau yang nilainya di antara lebih kurang RM 2600/mt sehingga RM 10,000/mt.
- Berdasarkan bahan kimia hijau tertentu, saiz pasaran global dianggarkan USD 500 juta sehingga USD 70 bilion.
- Selain daripada peningkatan dalam pendapatan negara, projek ini juga akan mempromosi penggunaan teknologi tinggi di mana ia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan separa mahir.
- Memandangkan MYBiomass juga bekerjasama dengan institusi penyelidikan dan universiti tempatan, ini akan menjadi platform bagi membangunkan keupayaan tenaga kerja tempatan untuk disesuaikan dengan keperluan industri.

Soalan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

1. MYBiomass telah menjalankan projek-projek seperti yang berikut:
 - a) Pengagregatan dan pengangkutan biomas yang melibatkan:
 - i) Kajian Feasibiliti Rantaian Bekalan
 - ii) Logistik
 - b) Ujian & Teknologi Adaptasi (Biomass -ke- Produk)
 - c) Analisis Pasaran
Mengenal-pasti pasaran bahan kimia hijau permintaan dan harga.
 - d) Pembangunan biorefinery
Langkah-langkah awal mengenal pasti lokasi dan keperluan projek biorefinery.
2. Pelaburan untuk mencapai Matlamat ini

Memandangkan ini merupakan projek Kerjasama Awam-Swasta (PPP), pelaburan projek ini akan turut dikongsi bersama.

Nilai pelaburan projek bergantung kepada jenis bahan kimia hijau serta jumlah bahan kimia yang akan dikeluarkan. Pihak MYBiomass sedang dalam perbincangan dengan 'offtaker' tempatan dan luar negara yang akan menentukan jenis dan jumlah bahan kimia. Oleh yang sedemikian, kos pelaburan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
TARIKH : 24 Mac 2014 (Isnin)
SOALAN : Dr. Azman bin Ismail minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-

Rasional pihak Kementerian menetapkan RM 1,200 satu tan metrik sebagai harga padi. Asas apakah yang diguna pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sebelum pengumuman penyelarasan harga belian padi pada kadar seragam dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 16 Januari 2014, harga belian padi di seluruh Semenanjung Malaysia adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain iaitu di antara RM980 hingga RM1,200 bagi setiap tan metrik. Perbezaan harga tersebut adalah bergantung kepada kualiti, musim tuaian dan corak permintaan daripada pengilang. Kerajaan mengambil keputusan untuk menggunakan harga tertinggi iaitu RM1,200 per tan metrik sebagai asas pelarasan harga di seluruh negeri di Semenanjung dan harga tersebut adalah tertakluk kepada pelaksanaan pemutuan sebenar padi di kilang. Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyeragamkan harga belian padi di Semenanjung Malaysia adalah bertujuan untuk membolehkan petani menikmati pendapatan yang lebih baik dan seragam antara negeri, tertakluk kepada proses pemutuan padi sebenar. Proses ini akan menggalakkan pesawah mengamalkan Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practices*) yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran dan kualiti padi yang lebih baik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI
AHMAD [MERSING]**

TARIKH : 24.03.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan yang telah dimainkan oleh Panel-panel bebas SPRM dalam memastikan SPRM melaksanakan tugas dan peranannya secara bebas dan berkesan untuk mencegah jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di negara ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM satu-satunya agensi penguatkuasa di negara ini yang dipantau oleh lima 'badan pemantau' yang bebas dan profesional. Malahan, tiada entiti penguatkuasa yang perlu memberi penjelasan terhadap sesuatu siasatan kepada panel khas sebagaimana SPRM.

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme telah diwujudkan sebagai *check and balance* bagi SPRM. Pemantau ini bertindak bagi memastikan SPRM tidak tersasar daripada fungsinya yang sebenar serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara telus, bebas dan professional.

Pemilihan tokoh-tokoh atau mereka yang dilantik untuk menjadi ahli bagi kelima-lima lembaga/jawatankusa/panel penasihat SPRM adalah berdasarkan kepada kriteria iaitu berintegriti tinggi, disegani, professional, mempunyai kepakaran dan sumbangan dalam bidang masing-masing, tidak mempunyai rekod jenayah atau kontroversi melampau.

Lima lembaga/jawatankusa/panel penasihat SPRM ini ialah:

- Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR)
- Panel Penilaian Operasi (PPO)
- Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)

- Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)
- Jawatankuasa Aduan

Kewujudan lima lembaga/jawatankuasa/panel penasihat ini jelas membuktikan kesediaan SPRM untuk berperanan secara bebas, telus dan profesional dalam menjalankan siasatan dan semua aktiviti yang dijalankan. Hal ini dapat dijelaskan dimana:

- i) SPRM bebas menjalankan siasatan tanpa dipengaruhi dan dikawal oleh mana-mana pihak. SPRM menerima aduan dan menjalankan siasatan mengikut peruntukan undang-undang yang ada.
- ii) Dalam sesuatu siasatan, SPRM tidak bebas untuk menutup sebarang siasatan terhadap mana-mana pihak kerana hasil siasatan perlu dijelaskan kepada Panel Penilaian Operasi (PPO).
- iii) Semua siasatan yang dijalankan perlu disiapkan dalam tempoh 12 bulan. Kegagalan menyiapkan siasatan dalam tempoh tersebut akan menyebabkan SPRM perlu memberi penjelasan kepada PPO.
- iv) LPPR pula memainkan peranan penting bagi memastikan siasatan dibuat dengan adil dan telus.
- v) Akta SPRM 2009 mengkehendaki Laporan Tahunan SPRM dibentangkan di dalam Parlimen. JKMR akan memeriksa, memberi ulasan dan mendapatkan penjelasan mengenai pencapaian SPRM. JKMR akan menyediakan ulasan dan menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan di Parlimen.

- vi) Bagi meningkatkan tahap profesionalisme pegawai-pegawai SPRM, Jawatankuasa Aduan pula memantau pengendalian Suruhanjaya akan aduan mengenai salahlaku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Pelabuhan Pulau Pinang dan mengapakah tidak ada sebarang pengumuman tentang pengambilan operasinya oleh Johor Seaport Terminal pada Januari 2014 tentang kosnya, tempohnya, jumlah pelaburan dan adakah syarat-syarat termasuk menyegerakan projek pengorekan dasar laut kepada 15 meter sebanyak RM353 juta.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat, bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkenaan. Perolehan ini telah dibuat secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin).

Tuan Yang di-Pertua,

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreement*) Penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak Kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.

Antara obligasi syarikat adalah melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri yang memerlukan kos yang besar, di mana syarikat terpaksa menanggung kerugian kira-kira

RM16 juta pada setiap tahun. Selain itu, syarikat juga perlu mengambil alih beban hutang PPSB melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama (*capital dredging* – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Setakat ini, syarikat telah membuat bayaran tunai kepada Kerajaan bagi pemilikan ekuiti di dalam PPSB pada 19 November 2013. Pada masa ini, proses *transfer of shares* (dengan izin) sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6538

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi mengawal perbuatan memburuk-burukkan Kerajaan serta perbuatan mencetus ketegangan kaum dan agama dan lain-lain lagi supaya ianya tidak merosakkan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia memandang serius berhubung isu-isu yang sengaja dibawa oleh pihak-pihak tertentu yang dengan sengaja cuba mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama termasuklah perbuatan memburuk-burukkan Kerajaan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli yang Berhormat Tasek Gelugor. Dalam hubungan ini, tindakan tegas di bawah undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948 boleh diambil terhadap mereka yang terlibat sekiranya siasatan membuktikan pihak-pihak yang terlibat benar-benar bersalah agar perbuatan-perbuatan yang boleh menggugat keselamatan, ketenteraman dan keharmonian negara dapat dikawal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6540

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah PATI yang ditahan dalam Ops Bersepadu di setiap depot tahanan dengan perbelanjaan RM16 juta makan dan RM3 juta bagi penghantaran balik ke negara asal pada tahun 2013 mengikut negara PATI berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah kurang tepat menyatakan perbelanjaan sebanyak RM16 juta makan dan RM3 juta bagi penghantaran balik Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke negara asal pada tahun 2013.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah PATI yang ditahan dalam semua operasi termasuk Ops Bersepadu di depot tahanan pada tahun 2013 adalah seramai 64,326 orang dengan kos makan dan minum sebanyak RM192,030.10 dan kos pengusiran melalui udara sebanyak RM359,068.00 dan melalui laut sebanyak RM3,738,800.00. Sebanyak 35,431 orang PATI telah diusir ke negara asal dari tahun 2008 hingga 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan industri kelapa sawit di Malaysia akan dapat terus bersaing dengan negara lain seperti Indonesia yang mempunyai kos tenaga buruh yang lebih rendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit negara memainkan peranan yang penting kepada ekonomi negara terutamanya dari segi sumbangan kepada pendapatan negara, peluang pekerjaan dan sosio-ekonomi. Pada tahun 2013, pendapatan eksport daripada pelbagai produk sawit berjumlah RM61.29 billion. Berbanding dengan negara pengeluar minyak sawit lain seperti Indonesia, Malaysia mempunyai kelebihan dari segi daya saing di dalam industri minyak sawit memandangkan Malaysia telah menerajui dari segi produktiviti dan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bagi memastikan industri sawit negara terus berdaya saing, Kementerian melaksanakan beberapa langkah termasuk:

- i. Menstruktur semula duti eksport ke atas minyak sawit mentah bagi meningkatkan daya saing industri sawit Malaysia iaitu, dengan mengurangkan kadar duti eksport daripada 23% kepada 4.5% hingga 8.5% bergantung kepada harga pasaran minyak sawit mentah mulai 1 Januari 2013;
- ii. Menerokai pasaran-pasaran baharu dan memperkukuhkan pasaran sedia ada antaranya melalui promosi dan penganjuran *Palm Oil Trade and Seminar* (POTS) di negara yang berpotensi. Pada tahun 2012, sebanyak lima (5) POTS telah dianjurkan manakala enam (6) POTS telah diadakan pada tahun 2013;

- iii. Mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan produk-produk baharu. Antara produk-produk berasaskan sawit terbaharu yang berjaya dihasilkan adalah seperti minyak masak Novelin, Vitamin E, *palm-based mozzarella cheese* dan santan kelapa sawit. Produk-produk ini akan menambah nilai minyak sawit dan meningkatkan penggunaannya; dan

- iv. Bagi meningkatkan produktiviti, para pengusaha tananam sawit termasuk pekebun kecil digalakkan supaya menggunakan bahan tanaman berkualiti tinggi semasa proses tanam semula dan mengamalkan amalan pertanian yang baik yang dapat menyumbang kepada peningkatan kadar perahan minyak (*Oil Extraction Rate*). Selain itu, Kerajaan juga menggalakkan penubuhan Kelompok Sawit Mapan atau *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC) yang bertujuan membantu meningkatkan produktiviti pekebun kecil serta membolehkan perolehan input pertanian pada harga yang berpatutan. Langkah ini akan menyumbang kepada usaha mencapai sasaran produktiviti buah tandan segar ke paras 26 tan sehektar menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.